

KONVENSYEN GENEVA BERKAITAN DENGAN LAYANAN TERHADAP TAWANAN PERANG BERTARIKH 12 OGOS 1949

BAHAGIAN I PERUNTUKAN AM

Perkara 1

Penghormatan kepada Konvensyen¹

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi beraku janji untuk menghormati dan memastikan penghormatan kepada Konvensyen ini dalam segala hal keadaan.

Perkara 2

Pemakaian Konvensyen

Sebagai tambahan kepada peruntukan yang hendaklah dilaksanakan pada masa aman, Konvensyen ini hendaklah terpakai bagi semua hal perang yang diisytiharkan atau apa-apa konflik bersenjata lain yang timbul antara dua Pihak Pejanji Tertinggi atau lebih, walaupun keadaan perang tidak diiktiraf oleh salah satu daripada mereka.

Konvensyen ini juga hendaklah terpakai kepada semua hal pendudukan sebahagian atau keseluruhan wilayah sesuatu Pihak Pejanji Tertinggi, walaupun pendudukan tersebut tidak menghadapi tentangan bersenjata.

Walaupun satu daripada Kuasa yang berkonflik bukan suatu pihak kepada Konvensyen ini, Kuasa-kuasa yang menjadi pihak kepada Konvensyen ini hendaklah tetap terikat dengannya dalam hubungan sesama mereka. Mereka selanjutnya hendaklah terikat dengan Konvensyen ini dalam hubungan dengan Kuasa tersebut, jika Kuasa tersebut menerima dan memakai peruntukan Konvensyen ini.

Perkara 3

Konflik yang tidak bersifat antarabangsa

Dalam hal konflik bersenjata yang tidak bersifat antarabangsa yang berlaku di wilayah salah satu daripada Pihak-pihak Pejanji Tertinggi, setiap Pihak kepada konflik itu hendaklah terikat untuk memakai, sekurang-kurangnya, peruntukan berikut:

- (1) Orang yang tidak mengambil bahagian secara aktif dalam pertempuran, termasuk anggota angkatan tentera yang telah meletakkan senjata mereka dan yang tidak boleh turut serta (*hors de combat*) kerana sakit, cedera, ditahan atau apa-apa sebab lain, hendaklah dalam segala hal keadaan dilayan dengan perikemanusiaan, tanpa apa-apa perbezaan yang bertentangan berdasarkan bangsa, warna kulit, agama atau kepercayaan, jantina, keturunan atau kekayaan, atau apa-apa asas pertimbangan lain yang serupa.

Bagi maksud ini, tindakan berikut dilarang dan hendaklah tetap dilarang pada bila-bila masa dan di mana-mana jua berkenaan dengan orang yang tersebut di atas:

- (a) keganasan terhadap jiwa dan raga, khususnya segala bentuk pembunuhan, pencacatan, perlakuan kejam dan penderaan;
 - (b) pengambilan tebusan;
 - (c) pencabulan terhadap maruah peribadi, khususnya perlakuan yang memalukan dan merendahkan martabat;
 - (d) menjatuhkan hukuman dan melaksanakan hukuman mati tanpa penghakiman terlebih dahulu diumumkan oleh suatu mahkamah yang dibentuk secara teratur, yang memberikan segala jaminan keadilan yang diakui sebagai sangat diperlukan oleh bangsa yang bertamadun.
- (2) Mereka yang cedera dan sakit hendaklah diambil dan dijaga.

Suatu badan kemanusiaan berkecuali, seperti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, boleh menawarkan perkhidmatannya kepada Pihak-pihak kepada konflik itu.

Pihak-pihak yang berkonflik itu hendaklah selanjutnya berusaha untuk menguatkuasakan, melalui perjanjian khas, kesemua atau sebahagian daripada peruntukan lain Konvensyen ini.

Pemakaian peruntukan yang terdahulu hendaklah tidak menjejaskan kedudukan undang-undang Pihak-pihak kepada konflik itu.

Perkara 4

Tawanan perang

A. Tawanan perang dalam erti kata Konvensyen ini ialah orang yang tergolong dalam salah satu kategori berikut, yang jatuh ke dalam kekuasaan musuh:

- (1) Ahli angkatan tentera suatu Pihak yang berkonflik, dan juga ahli militia atau kor wataniah, yang merupakan sebahagian daripada angkatan tentera tersebut.
- (2) Ahli militia dan kor wataniah yang lain, termasuk pergerakan penentangan terancang daripada suatu Pihak yang berkonflik dan beroperasi di dalam atau di luar wilayah mereka, walaupun wilayah itu diduduki, dengan syarat bahawa militia atau kor wataniah tersebut, termasuk gerakan penentangan terancang tersebut, memenuhi syarat berikut:
 - a. dipimpin oleh seseorang yang bertanggungjawab terhadap orang bawahannya;
 - b. mempunyai tanda tersendiri yang tetap dan dapat dicam dari jauh;
 - c. membawa senjata secara terbuka;
 - d. menjalankan operasi mereka menurut undang-undang dan amalan perang;

- (3) Anggota angkatan tentera tetap yang mengaku taat setia kepada suatu Kerajaan atau pihak berkuasa yang tidak diiktiraf oleh Kuasa Penahan.
- (4) Orang yang mengiringi angkatan tentera tanpa menjadi ahli angkatan tentera itu dengan sebenarnya, seperti anak kapal awam pesawat udara tentera, wartawan perang, pengusaha bekalan, anggota unit buruh atau perkhidmatan yang bertanggungjawab terhadap kebajikan angkatan tentera, dengan syarat bahawa mereka mendapat kebenaran daripada angkatan tentera yang mereka iringi, yang akan menyediakan bagi tujuan tersebut, kad pengenalan yang serupa dengan model pada lampiran.
- (5) Anak kapal termasuk nakhoda, jurupandu, perantis perkapalan perdagangan, dan anak kapal pesawat udara awam daripada Pihak-pihak yang berkonflik, yang tidak mendapat manfaat melalui layanan lebih baik menurut peruntukan undang-undang antarabangsa yang lain.
 - (6) Penduduk wilayah yang tidak diduduki yang, pada masa musuh menyerbu untuk menyerang, mengangkat senjata dengan serta-merta untuk melawan angkatan yang menyerang, tanpa mempunyai masa untuk membentuk unit bersenjata tetap, dengan syarat bahawa mereka membawa senjata secara terbuka dan menghormati undang-undang dan amalan perang.

B. Mereka yang berikut hendaklah juga dilayan sebagai tawanan perang bawah Konvensyen ini:

- (1) Orang yang tergolong, atau pernah tergolong, dalam angkatan tentera negara yang diduduki, jika Kuasa yang Menduduki fikirkan perlu untuk menahan mereka oleh sebab kesetiaan, walaupun Kuasa itu telah membebaskan mereka sementara pertempuran berlangsung di luar wilayah yang diduduki oleh Kuasa itu, terutamanya apabila orang tersebut telah membuat suatu percubaan yang gagal untuk menyertai semula angkatan tentera yang mereka tergolong dan yang terlibat dalam

pertempuran, atau bilamana mereka gagal untuk mematuhi suatu saman kepada mereka yang bertujuan menahan mereka.

- (2) Orang yang tergolong dalam salah satu kategori yang disenaraikan dalam Perkara ini, yang telah diterima oleh Kuasa-kuasa berkecuali atau yang tidak berperang di wilayah mereka dan yang perlu ditahan oleh Kuasa-kuasa tersebut menurut undang-undang antarabangsa, tanpa prejudis kepada mana-mana layanan yang lebih baik yang Kuasa-kuasa tersebut boleh pilih untuk berikan kepada mereka dan dengan pengecualian kepada Perkara 8, 10, 15, 30 perenggan kelima, Perkara 58-67, 92, 126 dan, bilamana wujud hubungan diplomatik antara Pihak-pihak yang berkonflik dengan Kuasa berkecuali atau yang tidak berperang, Perkara yang berkait dengan Kuasa Pelindung. Jika wujud hubungan diplomatik seumpama itu, Pihak-pihak yang berkonflik yang padanya orang ini bergantung hendaklah dibenarkan untuk menjalankan fungsi suatu Kuasa Pelindung sebagaimana yang diperuntukkan oleh Konvensyen ini kepada mereka, tanpa prejudis kepada fungsi yang biasa Pihak-pihak ini jalankan selaras dengan amalan dan triti diplomatik dan konsular.

C. Perkara ini hendaklah tidak menjejaskan kedudukan kakitangan perubatan dan agama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 33 Konvensyen ini.

Perkara 5

Permulaan dan penamatan pemakaian

Konvensyen ini hendaklah terpakai kepada orang yang dirujuk dalam Perkara 4 dari masa mereka jatuh ke tangan kuasa musuh sehingga mereka akhirnya dibebaskan dan dihantar pulang.

Jika timbul apa-apa keraguan sama ada seseorang melakukan persengketaan dan jatuh ke dalam kuasa musuh yang tergolong bawah mana-mana kategori yang disenaraikan dalam Perkara 4, orang itu hendaklah menikmati perlindungan Konvensyen ini sehingga status mereka ditentukan oleh suatu tribunal yang berwibawa.

Perkara 6

Perjanjian khas

Sebagai tambahan kepada perjanjian yang diperuntukkan dengan nyata dalam Perkara 10, 23, 28, 33, 60, 65, 66, 67, 72, 73, 75, 109, 110, 118, 119, 122, dan 132, Pihak-pihak Pejanji Tertinggi boleh memuktamadkan perjanjian khas yang lain bagi semua perkara yang mereka anggap sesuai untuk membuat peruntukan berasingan. Tiada perjanjian khas yang boleh memudaratkan keadaan tawanan perang, sebagaimana yang ditakrifkan oleh Konvensyen ini, mahupun menyekat hak yang Konvensyen ini berikan kepada mereka.

Tawanan perang hendaklah terus mendapat manfaat daripada perjanjian-perjanjian tersebut selagi mana Konvensyen ini terpakai kepada mereka, kecuali apabila peruntukan nyata yang bertentangan terkandung dalam perjanjian tersebut atau dalam perjanjian seterusnya, atau apabila langkah yang lebih baik untuk mereka telah diambil oleh salah satu Pihak yang berkonflik.

Perkara 7

Ketidakbolehan menolak hak

Tawanan perang tidak boleh, dalam apa-apa keadaan sekalipun, menolak sebahagian atau keseluruhan hak yang Konvensyen ini berikan kepada mereka, dan oleh perjanjian khas seperti yang dirujuk dalam Perkara terdahulu, jika ada.

Perkara 8

Kuasa Pelindung

Konvensyen ini hendaklah diterima pakai dengan kerjasama dan bawah penelitan Kuasa-kuasa Pelindung yang berkewajipan untuk melindungi

kepentingan Pihak-pihak kepada suatu konflik. Bagi tujuan ini, Kuasa-kuasa Pelindung boleh melantik, di samping kakitangan diplomatik dan konsular mereka, ahli delegasi dalam kalangan rakyat mereka atau rakyat Kuasa-kuasa berkecuali yang lain. Wakil-wakil tersebut hendaklah mendapat kelulusan Kuasa dengan siapa mereka akan menjalankan tugas mereka.

Pihak-pihak kepada suatu konflik hendaklah memudah cara, setakat yang boleh, tugas perwakilan atau delegasi Kuasa-kuasa Pelindung.

Perwakilan dan delegasi Kuasa-kuasa Pelindung hendaklah dalam apa-apa jua keadaan tidak melampaui misi mereka bawah Konvensyen ini. Mereka hendaklah, secara khusus, mengambil kira keperluan keselamatan mustahak Negara yang mereka melaksanakan tugas mereka.

Perkara 9

Kegiatan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah

Peruntukan Konvensyen ini bukanlah suatu penghalang bagi kegiatan kemanusiaan yang boleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau pertubuhan kemanusiaan saksama yang lain jalankan untuk melindungi dan membantu tawanan perang, tertakluk pada persetujuan Pihak-pihak yang berkonflik berkenaan.

Perkara 10

Pengganti kepada Kuasa-kuasa Pelindung

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi pada bila-bila masa boleh bersetuju untuk mengamanahkan kepada suatu pertubuhan yang menawarkan segala jaminan tidak memihak dan keberkesanan tugas yang disandang oleh Kuasa-kuasa Pelindung menurut Konvensyen ini.

Apabila tawanan perang tidak menerima atau tidak lagi menerima manfaat, atas apa-apa jua alasan, disebabkan kegiatan suatu Kuasa Pelindung

atau suatu pertubuhan sebagaimana diperuntukkan dalam perenggan pertama di atas, Kuasa Penahan hendaklah meminta suatu Negara berkecuali, atau suatu pertubuhan berkecuali, untuk menjalankan fungsi yang dilaksanakan bawah Konvensyen ini oleh suatu Kuasa Pelindung yang telah dilantik oleh Pihak-pihak kepada suatu konflik.

Jika perlindungan tersebut tidak dapat diatur, Kuasa Penahan hendaklah meminta atau menerima, tertakluk pada peruntukan Perkara ini, tawaran perkhidmatan suatu pertubuhan kemanusiaan seperti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, untuk mengambil alih fungsi kemanusiaan yang dilaksanakan oleh Kuasa-kuasa Pelindung bawah Konvensyen ini.

Mana-mana Kuasa berkecuali atau pertubuhan yang dijemput oleh Kuasa berkenaan atau yang menawarkan diri untuk tujuan-tujuan ini, hendaklah bertindak dengan rasa tanggungjawab terhadap Pihak yang berkonflik, yang orang dilindungi oleh Konvensyen ini bergantung, dan hendaklah memberikan jaminan yang secukupnya bahawa ia mampu menjalankan fungsi dengan sewajarnya dan untuk melaksanakannya dengan saksama.

Tiada pengecualian daripada peruntukan di atas boleh dibuat melalui perjanjian khas antara Kuasa-kuasa yang salah satu daripadanya terhad, walaupun secara sementara, kebebasannya untuk berunding dengan Kuasa satu lagi atau sekutunya oleh sebab peristiwa ketenteraan, khususnya apabila seluruh atau sebahagian besar wilayah Kuasa tersebut telah diduduki.

Bilamana, dalam Konvensyen ini, sebutan dibuat tentang Kuasa Pelindung, sebutan itu juga terpakai kepada pertubuhan pengganti dalam erti kata Perkara ini.

Perkara 11

Tatacara perdamaian

Dalam hal yang mereka sifatkannya lebih baik demi kepentingan orang yang dilindungi, terutamanya dalam hal pertikaian antara Pihak-pihak yang

berkonflik tentang pemakaian atau pentafsiran peruntukan Konvensyen ini, Kuasa-kuasa Pelindung hendaklah menyumbang khidmat baik mereka dengan tujuan menyelesaikan pertikaian itu.

Bagi maksud ini, setiap kuasa Pelindung boleh, sama ada atas undangan satu Pihak atau atas daya usahanya sendiri, mencadangkan kepada Pihak-pihak yang berkonflik suatu pertemuan antara wakil mereka, terutamanya pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap tawanan perang, seboleh-bolehnya di wilayah berkecuali terpilih yang sesuai. Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah terikat untuk melaksanakan cadangan yang disyorkan kepada mereka bagi maksud ini. Kuasa-kuasa Pelindung boleh, jika perlu, mencadangkan untuk kelulusan oleh Pihak-pihak yang berkonflik, seseorang yang berasal dari Kuasa berkecuali atau yang diwakilkan oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, yang hendaklah diundang untuk mengambil bahagian dalam pertemuan tersebut.

BAHAGIAN II

PERLINDUGAN AM BAGI TAWANAN PERANG

Perkara 12

Tanggungjawab terhadap layanan tawanan

Tawanan perang berada dalam tangan Kuasa musuh, bukan berada dalam kuasa individu atau unit angkatan tentera yang menawan mereka. Tanpa mengira tanggungjawab individu yang boleh wujud, Kuasa Penahan bertanggungjawab terhadap layanan yang diberikan kepada mereka.

Tawanan perang hanya boleh dipindahkan oleh Kuasa Penahan kepada suatu Kuasa yang menjadi pihak kepada Konvensyen ini, dan setelah Kuasa Penahan berpuas hati bahawa Kuasa yang menjadi pihak kepada Konvensyen ini sanggup dan mampu melaksanakan Konvensyen ini. Apabila tawanan

perang dipindahkan dalam keadaan tersebut, tanggungjawab untuk melaksanakan Konvensyen ini terletak pada Kuasa yang menerima mereka selama mana mereka berada bawah jagaannya.

Walaupun demikian, jika Kuasa itu gagal melaksanakan peruntukan Konvensyen ini dalam mana-mana aspek yang penting, Kuasa yang memindahkan tawanan perang itu hendaklah, setelah dimaklumkan oleh Kuasa Pelindung, mengambil langkah yang berkesan untuk memperbaiki keadaan itu atau hendaklah memohon penghantaran pulang tawanan perang itu. Permohonan tersebut hendaklah dipatuhi.

Perkara 13

Layanan kemanusiaan bagi tawanan

Tawanan perang hendaklah sentiasa dilayan dengan perikemanusiaan. Apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang oleh Kuasa Penahan yang menyebabkan kematian atau membahayakan dengan serius kesihatan seseorang tawanan perang yang berada bawah jagaannya hendaklah dilarang, dan dianggap sebagai pelanggaran berat terhadap Konvensyen ini. Secara khususnya, tawanan perang tidak boleh dijadikan subjek suatu pencacatan jasmani, uji kaji perubatan atau sains dalam apa-apa jua bentuk yang tidak diwajibkan oleh rawatan perubatan, pergigian atau hospital terhadap tawanan berkenaan dan dijalankan untuk kepentingannya.

Sehubungan itu, tawanan perang mestilah pada setiap masa dilindungi, terutamanya daripada tindakan keganasan atau pemerasan, dan daripada penghinaan dan keanehan umum.

Langkah lawan balas terhadap tawanan perang adalah dilarang.

Perkara 14

Penghormatan kepada orang tawanan

Tawanan perang berhak dalam semua hal keadaan untuk penghormatan pada badan dan maruahnyanya.

Wanita hendaklah diberikan layanan dengan segala pertimbangan yang mengambil kira jantina mereka, dan hendaklah dalam semua hal, mendapat manfaat daripada layanan sebaik yang diberikan kepada lelaki.

Tawanan perang hendaklah mengekalkan sifat orang awam penuh yang mereka nikmati pada masa penawanan mereka. Kuasa Penahan tidak boleh menyekat pelaksanaan hak yang diperoleh daripada sifat tersebut, sama ada di dalam atau di luar wilayahnya sendiri, kecuali sejauh mana penawanan itu perlukan.

Perkara 15

Penjagaan tawanan

Kuasa yang menahan tawanan perang hendaklah terikat untuk memberi secara percuma jagaan dan rawatan perubatan sebagaimana yang diperlukan oleh keadaan kesihatan mereka.

Perkara 16

Kesaksamaan layanan

Dengan mengambil kira peruntukan Konvensyen ini tentang pangkat dan jantina, dan tertakluk pada apa-apa layanan istimewa yang boleh diberikan kepada mereka oleh sebab keadaan kesihatan, umur atau kelayakan profesional, semua tawanan perang hendaklah diberi layanan yang sama rata oleh Kuasa Penahan, tanpa perbezaan yang memudaratkan berdasarkan bangsa, kerakyatan, kepercayaan agama atau pendirian politik, atau apa-apa perbezaan lain berdasarkan asas pertimbangan yang seumpamanya.

BAHAGIAN III

PENAWANAN

SEKSYEN I

PERMULAAN PENAWANAN

Perkara 17

Penanyaan tawanan

Setiap tawanan perang, apabila ditanya tentang sesuatu, hendaklah terikat untuk hanya memberikan nama keluarga, nama pertama dan pangkat, tarikh lahir, dan memberikan nombor tentera, nombor regimen, nombor peribadi atau nombor siri, atau jika hal ini gagal, memberikan maklumat yang setara.

Jika dia sengaja melanggar peraturan ini, dia boleh menyebabkan dirinya dikenakan sekatan daripada keistimewaan yang diberikan kepadanya berdasarkan pangkat atau status.

Setiap Pihak yang berkonflik perlu melengkapi orang dalam bidang kuasanya yang boleh menjadi tawanan perang dengan kad pengenalan yang menunjukkan nama keluarga, nama pertama, pangkat, nombor tentera, nombor regimen, nombor peribadi atau nombor siri atau maklumat yang setara, serta tarikh lahir pemegangnya. Kad pengenalan itu selanjutnya boleh mengandungi tandatangan atau cap jari, atau kedua-duanya, kepunyaan pemegangnya, dan juga maklumat lain yang boleh Pihak yang berkonflik tersebut tambah tentang anggota angkatan tenteranya. Setakat yang boleh, kad itu hendaklah berukuran 6.5 X 10 cm dan hendaklah dikeluarkan dalam dua salinan. Kad pengenalan itu hendaklah ditunjukkan oleh tawanan perang atas permintaan, tetapi tidak boleh sama sekali diambil daripadanya.

Tiada penyeksaan jasmani atau mental atau apa-apa bentuk paksaan yang lain boleh dikenakan ke atas tawanan perang untuk memperoleh maklumat dalam apa-apa jua bentuk. Tawanan perang yang enggan menjawab, tidak

boleh diugut, dihina, atau didedahkan kepada layanan yang tidak menyenangkan atau merugikan dalam apa-apa jua bentuk.

Tawanan perang yang, oleh sebab keadaan jasmani atau mental mereka, tidak berupaya untuk menyatakan identitinya, hendaklah diserahkan kepada perkhidmatan perubatan. Identiti tawanan tersebut hendaklah ditentukan melalui apa-apa jua cara, tertakluk pada peruntukan perenggan sebelum ini.

Soal siasat tawanan perang hendaklah dijalankan dalam bahasa yang difahami oleh mereka.

Perkara 18

Harta tawanan

Semua bahan dan barang untuk kegunaan peribadi, kecuali senjata, kuda, peralatan tentera dan dokumen tentera, hendaklah kekal dalam milik tawanan perang, begitu juga dengan topi keledar logam dan topeng gas dan barang seumpunya yang dikeluarkan untuk perlindungan peribadi. Bahan dan barang yang digunakan untuk pakaian atau makanan mereka hendaklah juga kekal dalam milik mereka, walaupun bahan dan barang tersebut tergolong dalam peraturan tentera kawalan selia mereka.

Tawanan perang pada bila-bila masa tidak boleh ketiadaan dokumen pengenalannya. Kuasa Penahan hendaklah menyediakan dokumen tersebut kepada tawanan perang yang tidak memilikinya.

Lencana pangkat dan kerakyatan, pingat, di samping barang yang mempunyai nilai peribadi atau sentimental tidak boleh diambil daripada tawanan perang.

Wang yang ada pada tawanan perang tidak boleh diambil daripada mereka, kecuali atas perintah seseorang pegawai, dan setelah jumlah dan butiran tentang pemiliknya dicatat dalam suatu daftar khas dan setelah diberi suatu resit yang diperinci, yang dengan jelas mengandungi nama, pangkat dan unit orang yang mengeluarkan resit itu. Jumlah wang dalam mata wang Kuasa Penahan, atau yang ditukarkan ke dalam mata wang itu atas permintaan

tawanan, hendaklah dicatat sebagai kredit dalam akaun tawanan, sebagaimana yang diperuntukan dalam Perkara 64.

Kuasa Penahan boleh mengambil barang berharga daripada tawanan perang hanya berdasarkan alasan keselamatan; apabila barang tersebut diambil, tatacara yang ditetapkan untuk jumlah wang yang ditahan hendaklah terpakai.

Barang tersebut, begitu juga jumlah wang dalam apa-apa mata wang selain daripada mata wang Kuasa Penahan yang diambil, dan yang penukarannya tidak diminta oleh pemiliknya, hendaklah disimpan dalam jagaan Kuasa Penahan dan hendaklah dikembalikan dalam bentuk asal kepada tawanan perang pada penghujung penawanan mereka.

Perkara 19

Pemindahan tawanan

Tawanan perang hendaklah dipindahkan, dengan secepat mungkin setelah ditawan, ke kem-kem yang terletak di suatu kawasan yang cukup jauh dari zon pertempuran supaya mereka berada di luar bahaya.

Hanya tawanan perang yang, oleh sebab kecederaan atau kesakitan, akan mengalami risiko yang lebih besar apabila dipindahkan berbanding jika mereka kekal di tempat mereka berada, boleh ditinggalkan buat sementara waktu di zon bahaya.

Tawanan perang hendaklah tidak sewenang-wenangnya didedahkan kepada bahaya sementara menunggu pemindahan dari zon pertempuran.

Perkara 20

Keadaan pemindahan

Pemindahan tawanan perang hendaklah sentiasa dilaksanakan dengan perikemanusiaan dan dalam keadaan yang serupa dengan keadaan pemindahan angkatan tentera Kuasa Penahan semasa penukaran stesen.

Kuasa Penahan hendaklah membekalkan tawanan perang yang sedang dipindahkan dengan makanan dan air boleh minum yang mencukupi, dan pakaian serta rawatan perubatan yang perlu. Kuasa Penahan hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang sesuai untuk memastikan keselamatan mereka semasa pemindahan, dan hendaklah secepat mungkin membuat senarai tawanan perang yang dipindahkan.

Jika tawanan perang mesti, semasa pemindahan, melepasi kem-kem transit, penginapan mereka di kem tersebut hendaklah sesingkat yang mungkin.

SEKSYEN II

PENAHANAN TAWANAN PERANG

BAB I

Pemerhatian Am

Perkara 21

Sekatan kebebasan pergerakan

Kuasa Penahan boleh menempatkan tawanan perang dalam tahanan. Kuasa Penahan boleh mewajibkan mereka untuk tidak meninggalkan kem tahanan mereka melebihi had tertentu, atau jika kem tahanan tersebut berpagar, untuk tidak keluar dari perimeter pagar tersebut. Tertakluk pada peruntukan Konvensyen ini tentang sekatan jenayah dan disiplin, tawanan perang tidak boleh diletakkan dalam kurungan tertutup kecuali jika tindakan itu perlu untuk melindungi kesihatan mereka dan itu pun hanya selagi mana hal keadaan yang menyebabkan kurungan itu diperlukan berterusan.

Tawanan perang boleh sebahagiannya atau keseluruhannya dibebaskan dengan parol atau ikat janji, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Kuasa yang padanya mereka bergantung. Langkah tersebut hendaklah diambil terutamanya dalam kes yang boleh menyumbang kepada pembaikan keadaan kesihatan mereka. Tiada tawanan perang boleh dipaksa untuk menerima kebebasan dengan parol atau ikat janji.

Apabila pertempuran meletus, setiap Pihak yang berkonflik hendaklah memberitahu Pihak lawan tentang undang-undang dan peraturannya yang membenarkan atau melarang rakyatnya menerima kebebasan dengan parol atau ikat janji. Tawanan perang yang diparol atau yang telah berjanji, menurut undang-undang dan peraturan yang dimaklumkan tersebut, hendaklah terikat atas dasar maruah peribadi mereka untuk memenuhi dengan cermat kewajipan yang timbul daripada kebebasan secara parol atau ikat janji itu, kepada kedua-dua Kuasa yang padanya mereka bergantung dan Kuasa yang menawan mereka. Dalam hal tersebut, Kuasa yang padanya mereka bergantung terikat untuk tidak mewajibkan mahupun menerima daripada mereka apa-apa perkhidmatan yang tidak sesuai dengan parol atau ikat janji yang diberikan.

Perkara 22

Tempat dan Keadaan Penahanan

Tawanan perang hanya boleh ditahan di tempat yang terletak di darat dan yang memberikan segala jaminan kebersihan dan kesihatan. Kecuali dalam hal tertentu yang boleh diwajarkan dengan kepentingan tawanan itu sendiri, tawanan hendaklah tidak ditahan di penjara.

Tawanan perang yang ditahan di kawasan yang tidak sihat, atau dalam persekitaran yang memudaratkan kesihatan mereka, hendaklah dipindahkan secepat mungkin ke kawasan yang persekitarannya lebih baik.

Kuasa Penahan hendaklah menghimpunkan tawanan perang di kem atau pekarangan-pekarangan kem menurut kerakyatan, bahasa dan adat, dengan syarat bahawa tawanan itu tidak boleh dipisahkan daripada tawanan perang dari angkatan tentera yang mereka berkhidmat pada masa mereka ditawan, kecuali dengan persetujuan mereka.

Perkara 23

Keselamatan tawanan

Tiada tawanan perang pada bila-bila masa boleh dihantar ke, atau ditahan di, kawasan yang dia boleh terdedah kepada tembakan medan pertempuran; atau yang kehadirannya boleh digunakan untuk menjadikan tempat atau kawasan tertentu kebal daripada operasi tentera.

Tawanan perang hendaklah mendapat tempat perlindungan daripada pengeboman udara dan bahaya perang yang lain, pada tahap yang sama dengan penduduk awam setempat. Kecuali mereka yang bertugas dalam perlindungan kuarters mereka daripada bahaya-bahaya tersebut, tawanan perang boleh memasuki tempat perlindungan tersebut secepat mungkin selepas isyarat kecemasan diberikan. Apa-apa langkah perlindungan lain yang diambil untuk manfaat penduduk hendaklah juga terpakai kepada tawanan perang.

Kuasa-kuasa Penahan hendaklah memberi kepada Kuasa-kuasa berkenaan, melalui perantaraan Kuasa-kuasa Pelindung, semua maklumat yang berguna tentang lokasi geografi kem tawanan perang.

Pada bila-bila masa yang pertimbangan ketenteraan mengizinkan, kem tawanan perang hendaklah ditandai dengan huruf PW atau PG pada waktu siang pada tempat yang membolehkannya dapat dilihat dengan jelas dari udara. Kuasa-kuasa yang berkenaan boleh, walau bagaimanapun, bersetuju untuk menggunakan sistem penandaan lain. Hanya kem tawanan perang boleh ditandai sedemikian.

Perkara 24

Kem transit tetap

Kem transit atau saringan yang bersifat tetap hendaklah dilengkapi dalam keadaan yang sama dengan syarat yang dijelaskan dalam Seksyen ini, dan tawanan yang berada di dalamnya hendaklah mendapat layanan yang sama dengan tawanan di kem lain.

BAB II

Kuarters, Makanan dan Pakaian Tawanan Perang

Perkara 25

Kuarters

Tawanan perang hendaklah ditempatkan dalam keadaan yang sama baik dengan keadaan bagi angkatan tentera Kuasa Penahan yang ditempatkan di kawasan yang sama. Keadaan tersebut hendaklah mengambil kira kebiasaan dan amalan tawanan dan hendaklah tidak memudaratkan kesihatan mereka dalam apa-apa jua keadaan.

Peruntukan di atas hendaklah terpakai terutamanya kepada bilik asrama tawanan perang berhubung dengan jumlah luas permukaan dan ruang kubik minimum, serta pemasangan am, peralatan tidur, dan selimut.

Tempat yang disediakan untuk kegunaan tawanan perang secara individu atau bersama, hendaklah dilindungi secara keseluruhannya daripada kelembapan dan diberi pemanasan dan pencahayaan sewajarnya, terutamanya antara waktu senja dengan pemadaman lampu. Semua langkah berjaga-jaga daripada bahaya kebakaran hendaklah diambil.

Di setiap kem yang tawanan perang wanita, begitu juga lelaki, ditempatkan, bilik asrama yang berasingan hendaklah disediakan.

Perkara 26

Makanan

Bekalan makanan asas harian hendaklah mencukupi dari segi kuantiti, kualiti dan kepelbagaian supaya tawanan perang berada dalam kesihatan yang baik dan untuk mencegah penurunan berat badan atau kekurangan nutrien. Pemakanan biasa tawanan hendaklah juga diambil kira.

Kuasa Penahan hendaklah membekalkan tawanan perang yang bekerja dengan bekalan makanan tambahan sebagaimana yang diperlukan untuk kerja yang mereka diambil untuk lakukan.

Air minuman yang mencukupi hendaklah dibekalkan kepada tawanan perang. Penggunaan tembakau hendaklah diizinkan.

Tawanan perang hendaklah, sebanyak mungkin, dilibatkan dalam penyediaan makanan mereka; mereka boleh diambil bekerja di dapur untuk tujuan tersebut. Tambahan pula, mereka hendaklah diberi alat dan bahan untuk menyediakan sendiri makanan tambahan yang mereka ada.

Tempat yang mencukupi hendaklah disediakan untuk makan bersama.

Langkah disiplin berkelompok berkaitan dengan makanan hendaklah dilarang.

Perkara 27

Pakaian

Pakaian, pakaian dalam dan kasut hendaklah dibekalkan kepada tawanan perang dalam kuantiti yang mencukupi oleh Kuasa Penahan, dengan mengambil kira iklim serantau tempat tawanan ditahan. Pakaian seragam

angkatan tentera musuh yang jatuh ke tangan Kuasa Penahan wajar, jika sesuai dengan iklim, disediakan sebagai pakaian bagi tawanan perang.

Penggantian dan pembaikan kerap pakaian tersebut hendaklah dijamin oleh Kuasa Penahan. Tambahan pula, tawanan perang yang bekerja hendaklah menerima pakaian yang sesuai, sebagaimana sifat pekerjaan itu perlukan.

Perkara 28

Kantin

Kantin hendaklah disediakan di semua kem, yang tawanan perang dapat memperoleh bahan makanan, sabun dan tembakau serta barang biasa untuk kegunaan harian. Harganya hendaklah sekali-kali tidak melebihi harga pasaran tempatan.

Keuntungan yang diperoleh oleh kantin kem hendaklah digunakan untuk manfaat tawanan; suatu dana khusus hendaklah diwujudkan bagi tujuan ini. Wakil tawanan hendaklah mempunyai hak untuk bekerjasama dalam pengurusan kantin dan dana ini.

Apabila sesuatu kem ditutup, baki kredit dalam dana khusus tersebut hendaklah diserahkan kepada suatu pertubuhan kebajikan antarabangsa, yang dilantik untuk manfaat tawanan perang yang sama kerakyatan dengan tawanan yang menyumbang dana itu. Dalam hal penghantaran pulang am, keuntungan tersebut hendaklah disimpan oleh Kuasa Penahan, tertakluk pada apa-apa perjanjian bertentangan antara Kuasa-kuasa berkenaan.

BAB III

Kebersihan dan Rawatan Perubatan

Perkara 29

Kuasa Penahan hendaklah terikat untuk mengambil semua langkah pembersihan yang perlu untuk memastikan kebersihan dan kesihatan kem dan untuk mencegah wabak.

Tawanan perang hendaklah disediakan kemudahan untuk kegunaan mereka, pada waktu pagi dan malam, yang mematuhi peraturan kebersihan dan sentiasa berada dalam keadaan bersih. Di kem yang tawanan perang wanita ditempatkan, kemudahan yang berasingan hendaklah disediakan.

Di samping bilik mandi dan pancuran yang hendaklah juga dilengkapi di kem, tawanan perang hendaklah diberi air dan sabun yang mencukupi untuk tandas dan cucian pakaian peribadi mereka; pemasangan, kemudahan dan masa yang perlu hendaklah diberikan kepada mereka bagi tujuan itu.

Perkara 30

Rawatan perubatan

Setiap kem hendaklah mempunyai rumah sakit yang mencukupi yang tawanan perang boleh diberi rawatan yang mereka perlukan, serta pemakanan yang sesuai. Wad pengasingan hendaklah, jika perlu, disediakan bagi kes penyakit berjangkit atau mental.

Tawanan perang yang menghidap penyakit yang teruk atau yang keadaannya memerlukan rawatan khas, pembedahan atau rawatan hospital, mestilah dimasukkan ke mana-mana unit perubatan tentera atau awam yang rawatan tersebut boleh diberikan, walaupun penghantaran pulang mereka dalam tempoh terdekat sedang dipertimbangkan. Kemudahan khas hendaklah disediakan untuk penjagaan orang kurang upaya, terutamanya orang buta, dan untuk pemulihan mereka sementara menunggu penghantaran pulang.

Tawanan perang hendaklah menerima rawatan perubatan, sebaik-baiknya, daripada kakitangan perubatan Kuasa yang padanya mereka bergantung dan, jika boleh, yang sama kerakyatan dengan mereka.

Tawanan perang tidak boleh dihalang daripada menghadirkan diri mereka kepada pihak berkuasa perubatan untuk pemeriksaan. Pihak berkuasa yang menahan hendaklah, atas permintaan, mengeluarkan kepada setiap tawanan yang mendapat rawatan, suatu sijil rasmi yang membutirkan penyakit atau kecederaannya, serta tempoh dan jenis rawatan yang diterimanya. Salinan pendua sijil ini hendaklah dilanjutkan kepada Agensi Pusat Tawanan Perang.

Kos rawatan, termasuk kos alat yang diperlukan untuk penjagaan tawanan perang supaya berada dalam kesihatan baik, terutama gigi palsu dan peralatan tiruan lain, dan kaca mata, hendaklah ditanggung oleh Kuasa Penahan.

Perkara 31

Pemeriksaan perubatan

Pemeriksaan perubatan tawanan perang hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap bulan. Pemeriksaan itu hendaklah termasuk memeriksa dan merekodkan berat badan setiap tawanan perang. Tujuan pemeriksaan ini hendaklah, terutamanya, untuk menyelia keadaan kesihatan am, pemakanan dan kebersihan tawanan dan untuk mengesan penyakit berjangkit, terutamanya tibi, malaria, dan penyakit kelamin. Bagi tujuan ini, kaedah cekap yang ada, contohnya radiografi kecil untuk pengesanan awal tibi secara berkala dan beramai-ramai, hendaklah digunakan.

Perkara 32

Tawanan perang yang terlibat dengan tugas perubatan

Tawanan perang yang, walaupun tidak menyertai kor perubatan angkatan tentera mereka, yang merupakan doktor, pakar bedah, doktor gigi, jururawat atau oderli perubatan boleh dikehendaki oleh Kuasa Penahan untuk

menjalankan fungsi perubatan mereka demi kepentingan tawanan perang yang bergantung pada Kuasa yang sama. Dalam hal ini, mereka tetap menjadi tawanan perang, tetapi mereka hendaklah menerima layanan yang sama dengan kakitangan perubatan setara yang diambil bekerja oleh Kuasa Penahan. Mereka hendaklah dikecualikan daripada mana-mana kerja lain bawah Perkara 49.

BAB IV

Kakitangan Perubatan dan Pegawai Agama yang Ditahan untuk Membantu Tawanan Perang

Perkara 33

Hak dan keistimewaan kakitangan tahanan

Anggota kakitangan perubatan dan pegawai agama yang ditahan oleh Kuasa Penahan bagi tujuan membantu tawanan perang, hendaklah tidak dianggap sebagai tawanan perang. Mereka hendaklah, walau bagaimanapun, sekurang-kurangnya menerima manfaat dan perlindungan bawah Konvensyen ini, dan hendaklah juga diberi segala kemudahan yang perlu untuk memberikan penjagaan perubatan dan bantuan keagamaan kepada tawanan perang.

Mereka hendaklah terus menjalankan fungsi perubatan dan kerohanian mereka untuk manfaat tawanan perang, sebaik-baiknya mereka yang tergolong dalam angkatan tentera yang padanya mereka bergantung, dalam ruang lingkup undang-undang dan peraturan ketenteraan Kuasa Penahan dan bawah kawalan perkhidmatannya yang berwibawa, menurut etika profesional mereka. Mereka hendaklah mendapat manfaat daripada kemudahan berikut dalam menjalankan fungsi perubatan atau kerohanian mereka:

- (a) Mereka hendaklah diberi kuasa untuk melawat secara berkala tawanan perang yang berada di tempat kerja berasingan atau di hospital luar kem.

Bagi tujuan ini, Kuasa Penahan hendaklah menyediakan keadaan pengangkutan yang perlu untuk kegunaan mereka.

- (b) Pegawai perubatan kanan di setiap kem hendaklah bertanggungjawab kepada pihak berkuasa tentera kem bagi semua yang berkaitan dengan kegiatan kakitangan perubatan yang ditahan. Bagi tujuan ini, Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah bersetuju, pada masa pertempuran meletus, berkenaan dengan pangkat kakitangan perubatan, termasuk bagi persatuan yang tersebut dalam Perkara 26 Konvensyen Geneva tentang Pembaikan Keadaan yang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Tentera di Medan Perang bertarikh 12 Ogos 1949. Pegawai kanan perubatan ini, serta pegawai agama, berhak untuk berurusan dengan pihak berkuasa berwibawa kem tentang semua persoalan berkaitan dengan tugas mereka. Pihak-pihak berkuasa tersebut hendaklah memberi mereka semua kemudahan surat-menyurat yang perlu berkaitan dengan persoalan itu.
- (c) Walaupun mereka tertakluk pada disiplin dalaman kem tempat mereka ditahan, kakitangan tersebut tidak boleh dipaksa untuk menjalankan apa-apa kerja selain daripada yang berkenaan dengan tugas perubatan dan keagamaan mereka.

Semasa pertempuran, Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah bersetuju tentang kemungkinan pelepasan kerja kakitangan tersebut, dan hendaklah menetapkan tatacara yang perlu dipatuhinya.

Tiada peruntukan sebelum ini boleh melepaskan Kuasa Penahan daripada kewajipannya terhadap tawanan perang dari segi kesihatan atau kerohanian.

BAB V

Kegiatan Keagamaan, Intelek dan Jasmani

Perkara 34

Kewajipan keagamaan

Tawanan perang hendaklah menikmati kebebasan penuh dalam menjalankan kewajipan keagamaan mereka, termasuk menghadiri upacara keagamaan mereka, dengan syarat bahawa mereka mematuhi disiplin biasa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tentera.

Tempat yang mencukupi hendaklah disediakan supaya upacara keagamaan boleh diadakan.

Perkara 35

Pegawai agama yang ditahan

Pegawai agama yang jatuh ke tangan Kuasa musuh dan yang tinggal atau ditahan dengan tujuan membantu tawanan perang, hendaklah dibenarkan untuk memberikan dan melaksanakan khidmat keagamaan mereka dengan bebas dalam kalangan tawanan perang yang seagama, menurut hati nurani keagamaan mereka. Mereka hendaklah ditempatkan di pelbagai kem dan tempat kerja berasingan yang mempunyai tawanan perang daripada angkatan tentera yang sama, bertutur dalam bahasa yang sama atau mengamalkan agama yang sama. Mereka hendaklah menikmati kemudahan yang perlu, termasuk pengangkutan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 33 untuk melawat tawanan perang yang berada di luar kem mereka. Mereka hendaklah bebas berhubung secara surat-menyurat, tertakluk pada penapisan, tentang perkara berkenaan dengan kewajipan keagamaan mereka dengan Pihak-pihak berkuasa agama di negara penahanan dan dengan pertubuhan keagamaan antarabangsa. Surat dan kad yang boleh mereka hantar bagi tujuan ini hendaklah dikira sebagai tambahan kepada kuota yang diperuntukkan dalam Perkara 71.

Perkara 36

Tawanan perang yang merupakan ahli agama

Tawanan perang yang juga merupakan ahli agama, tanpa dilantik secara rasmi sebagai pegawai agama dalam kor angkatan tentera mereka, adalah bebas, tanpa mengira agama atau mazhab mereka, untuk memberikan khidmat keagamaan kepada kalangan agama mereka. Bagi tujuan ini, mereka hendaklah menerima layanan yang sama dengan pegawai agama yang ditahan oleh Kuasa Penahan. Mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk melakukan apa-apa kerja lain.

Perkara 37

Tawanan perang tanpa ahli agama

Apabila tawanan perang tidak mendapat bantuan daripada pegawai agama yang ditahan atau tawanan perang ahli agama mereka, seseorang ahli daripada mazhab tawanan atau seumpamanya, atau jika tiada, seseorang orang biasa yang berkeelayakan, jika langkah ini sesuai dari segi akidah, hendaklah dilantik, atas permintaan tawanan berkenaan, untuk mengisi jawatan tersebut. Pelantikan ini, tertakluk pada kelulusan Kuasa Penahan, hendaklah dilakukan dengan persetujuan kalangan tawanan berkenaan dan, bilamana perlu, dengan kelulusan pihak berkuasa agama tempatan yang sama kepercayaan. Orang yang dilantik itu hendaklah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh Kuasa Penahan demi kepentingan disiplin dan keselamatan ketenteraan.

Perkara 38

Rekreasi, pembelajaran, sukan dan permainan

Sementara menghormati pilihan individu setiap tawanan, Kuasa Penahan hendaklah menggalakkan kegiatan intelek, pendidikan dan rekreasi, sukan dan

permainan antara tawanan, dan hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memastikan pelaksanaan kegiatan tersebut dengan menyediakan tempat yang mencukupi dan peralatan yang perlu.

Tawanan hendaklah diberi peluang untuk bersenam, termasuk sukan dan permainan dan berada di luar bangunan. Ruang terbuka yang cukup hendaklah disediakan bagi tujuan ini di semua kem.

BAB VI

Disiplin

Perkara 39

Pentadbiran. Tabik hormat

Setiap kem tawanan perang hendaklah diletakkan bawah kuasa langsung seorang pegawai bertauliah yang bertanggungjawab daripada angkatan tentera tetap Kuasa Penahan. Pegawai tersebut hendaklah memiliki sesalihan Konvensyen; dia hendaklah memastikan bahawa peruntukan Konvensyen ini diketahui oleh kakitangan dan pengawal kem dan hendaklah bertanggungjawab, menurut arahan kerajaannya, terhadap pemakaian Konvensyen ini.

Tawanan perang, kecuali pegawai, hendaklah memberi tabik hormat dan menunjukkan tanda hormat luaran kepada semua pegawai Kuasa Penahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh peraturan yang terpakai kepada angkatan mereka sendiri.

Tawanan perang yang merupakan pegawai terikat untuk memberi tabik hormat hanya kepada pegawai Kuasa Penahan yang berpangkat lebih tinggi daripadanya; mereka bagaimanapun mesti memberi tabik hormat kepada komander kem, tanpa mengira pangkatnya.

Perkara 40

Lencana dan pingat

Pemakaian lencana pangkat dan kerakyatan, serta pingat, hendaklah diizinkan.

Perkara 41

Penampalan Konvensyen, peraturan dan perintah berkait dengan tawanan perang

Di setiap kem, teks Konvensyen ini dan Lampirannya, dan isi kandungan apa-apa perjanjian khas sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 6, hendaklah ditampalkan, dalam bahasa tawanan itu sendiri, di tempat yang semua boleh membacanya. Salinan hendaklah diberikan, atas permintaan, kepada tawanan yang tidak boleh mendapat capaian kepada salinan yang ditampalkan.

Peraturan, perintah, notis dan segala jenis terbitan tentang kelakuan tawanan perang hendaklah dikeluarkan dalam bahasa yang mereka faham. Peraturan, perintah dan terbitan tersebut hendaklah ditampalkan secara yang dijelaskan di atas dan salinan hendaklah diserahkan kepada wakil tawanan perang. Setiap perintah dan arahan yang ditujukan kepada tawanan perang secara individu hendaklah juga diberikan dalam bahasa yang mereka faham.

Perkara 42

Penggunaan senjata

Penggunaan senjata terhadap tawanan perang, terutamanya terhadap mereka yang sedang atau cuba melarikan diri, hendaklah terjumlah kepada

tindakan melampau yang hendaklah selalu didahului dengan amaran yang sesuai dengan hal keadaan.

BAB VII

Pangkat Tawanan Perang

Perkara 43

Pemakluman pangkat

Pada masa pertempuran meletus, Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah saling menyampaikan antara satu sama lain gelaran dan pangkat semua orang yang disebut dalam Perkara 4 Konvensyen ini, untuk memastikan layanan sama rata antara tawanan yang sama pangkat. Gelaran dan pangkat yang diwujudkan kemudian hendaklah disampaikan melalui komunikasi yang serupa.

Kuasa Penahan hendaklah mengiktiraf kenaikan pangkat yang diberikan kepada tawanan perang dan yang telah dimaklumkan dengan sewajarnya oleh Kuasa yang padanya mereka bergantung.

Perkara 44

Layanan bagi pegawai

Pegawai dan tawanan yang sama status hendaklah dilayan dengan mengambil kira pangkat dan umur mereka.

Bagi memastikan perkhidmatan di kem pegawai, oderli daripada angkatan tentera sama yang, seboleh mungkin, bertutur dalam bahasa yang sama, hendaklah ditugaskan dalam bilangan yang mencukupi, dengan mengambil kira pangkat pegawai dan tawanan yang berstatus serupa. Oderli tersebut tidak boleh dipertanggungjawab untuk melakukan apa-apa kerja yang lain.

Penyeliaan tempat makan bersama oleh pegawai itu sendiri hendaklah dipermudahkan dalam semua cara.

Perkara 45

Layanan bagi tawanan perang yang lain

Tawanan perang yang selain daripada pegawai dan tawanan yang sama status, hendaklah dilayan dengan mengambil kira pangkat dan umur mereka.

Penyeliaan tempat makan bersama oleh tawanan itu sendiri hendaklah dipermudahkan dalam semua cara.

BAB VIII

Pemindahan Tawanan Perang selepas Ketibaan di Kem

Perkara 46

Keadaan

Kuasa Penahan, apabila membuat keputusan tentang pemindahan tawanan perang, hendaklah mengambil kira kepentingan tawanan itu sendiri, terutamanya supaya tidak menyukarkan lagi penghantaran pulang mereka.

Pemindahan tawanan perang hendaklah sentiasa dilaksanakan dengan perikemanusiaan dan dalam keadaan yang tidak kurang baiknya daripada keadaan pemindahan angkatan tentera Kuasa Penahan. Keadaan iklim yang telah tawanan perang biasakan hendaklah sentiasa diambil kira, dan keadaan pemindahan hendaklah tidak sekali-kali memudaratkan kesihatan mereka.

Kuasa Penahan hendaklah membekali tawanan perang dengan makanan dan air yang mencukupi semasa pemindahan untuk memastikan mereka dalam keadaan yang sihat, begitu juga dengan pakaian, tempat berteduh dan rawatan perubatan yang perlu. Kuasa Penahan hendaklah mengambil

langkah berjaga-jaga yang mencukupi, terutamanya semasa pengangkutan melalui laut atau udara, untuk memastikan keselamatan mereka semasa pemindahan, dan hendaklah menyediakan suatu senarai lengkap semua tawanan yang dipindahkan sebelum mereka berangkat.

Perkara 47

Hal keadaan halangan pemindahan

Tawanan perang yang sakit atau cedera hendaklah tidak dipindahkan selagi mana pemulihan mereka boleh terjejas disebabkan oleh perjalanan itu, kecuali jika keselamatan mereka amat mendesak.

Jika zon pertempuran semakin menghampiri sesuatu kem, tawanan perang yang berada di kem tersebut hendaklah tidak dipindahkan, kecuali jika pemindahan mereka boleh dijalankan dalam keadaan yang cukup selamat, atau jika mereka terdedah kepada risiko yang lebih tinggi jika ditinggalkan di tempat itu berbanding jika dipindahkan.

Perkara 48

Tatacara pemindahan

Dalam sesuatu pemindahan, tawanan perang hendaklah dimaklumkan secara rasmi tentang keberangkatan mereka dan destinasi mereka yang baharu. Pemberitahuan tersebut hendaklah diberikan berserta tempoh untuk mereka mengemas bagasi mereka dan memaklumi waris mereka.

Mereka hendaklah dibenarkan untuk membawa bersama barangan peribadi mereka, serta surat dan bungkusan yang telah tiba untuk mereka. Berat bagasi tersebut boleh dihadkan, jika keadaan pemindahan menghendakinya, kepada berat yang setiap tawanan perang boleh angkat

dengan munasabah, yang mestilah tidak sekali-kali melebihi dua puluh lima kilogram setiap orang.

Surat dan bungkusan yang dialamatkan ke kem lama mereka hendaklah dilanjutkan kepada mereka tanpa kelewatan. Komander kem, hendaklah mengambil, dengan persetujuan wakil tawanan, mana-mana langkah yang perlu untuk memastikan pengangkutan harta benda milik bersama tawanan dan bagasi yang mereka tidak mampu untuk bawa bersama mereka akibat had yang dikenakan berdasarkan perenggan kedua Perkara ini.

Kos pemindahan hendaklah ditanggung oleh Kuasa Penahan.

SEKSYEN III

TENAGA KERJA TAWANAN PERANG

Perkara 49

Pemerhatian am

Kuasa Penahan boleh menggunakan tenaga kerja tawanan perang yang sihat jasmani, dengan mengambil kira umur, jantina, pangkat dan kebolehan jasmani mereka, dan dengan tujuan menjaga mereka dalam keadaan kesihatan jasmani dan mental yang baik.

Pegawai tidak bertauliah yang menjadi tawanan perang hanya boleh dipertanggungjawab untuk melakukan kerja penyeliaan. Mereka yang tidak dipertanggungjawabkan untuk melakukan kerja tersebut boleh meminta kerja lain yang sesuai yang hendaklah, seboleh mungkin, dicarikan kepada mereka.

Jika pegawai atau orang yang sama status meminta kerja yang sesuai, kerja itu hendaklah diberikan kepada mereka, seboleh mungkin, tetapi mereka sekali-kali tidak boleh dikerah untuk bekerja.

Perkara 50

Kerja yang dibenarkan

Selain kerja yang berkaitan dengan pentadbiran, pemasangan atau penyenggaraan kem, tawanan perang hanya boleh dikerah untuk melakukan kerja yang terangkum dalam kategori berikut:

- (a) pertanian;
- (b) industri yang berkaitan dengan pengeluaran atau pengambilan bahan mentah, dan industri pembuatan, kecuali industri pembuatan bahan logam, mesin dan bahan kimia; kerja raya dan operasi pembinaan yang tidak bersifat atau mempunyai tujuan ketenteraan;
- (c) pengangkutan dan pengendalian stor yang tidak bersifat atau mempunyai tujuan ketenteraan;
- (d) perniagaan komersial, dan kesenian dan pertukangan tangan;
- (e) perkhidmatan domestik;
- (f) perkhidmatan kemudahan awam yang tidak bersifat atau mempunyai tujuan ketenteraan.

Jika peruntukan di atas dilanggar, tawanan perang hendaklah dibenarkan untuk melaksanakan hak mereka untuk membuat aduan, selaras dengan Perkara 78.

Perkara 51

Keadaan kerja

Tawanan perang hendaklah diberi keadaan kerja yang sesuai, terutamanya dari segi penginapan, makanan, pakaian dan peralatan; keadaan tersebut hendaklah tidak kurang daripada keadaan yang

dinikmati oleh rakyat Kuasa Penahan yang diambil untuk kerja yang serupa; keadaan iklim hendaklah juga diambil kira.

Kuasa Penahan, dalam menggunakan tenaga kerja tawanan perang, hendaklah memastikan supaya kawasan yang tawanan itu bekerja, perundangan negara tentang perlindungan buruh, dan lebih khusus lagi, peraturan tentang keselamatan pekerja, terpakai dengan sewajarnya.

Tawanan perang hendaklah mendapat latihan dan disediakan kaedah perlindungan yang sesuai dengan pekerjaan yang mereka perlu lakukan dan seumpama dengan latihan dan kaedah perlindungan yang diberikan kepada rakyat Kuasa Penahan. Tertakluk pada peruntukan Perkara 52, tawanan boleh menghadapi risiko kerja biasa yang pekerja awam hadapi.

Keadaan kerja hendaklah tidak sekali-kali menjadi lebih sukar oleh sebab langkah disiplin.

Perkara 52

Kerja berbahaya atau memalukan

Kecuali dengan sukarela, seseorang tawanan perang tidak boleh diambil untuk sesuatu kerja yang memudaratkan kesihatan atau berbahaya.

Tiada tawanan perang boleh ditugaskan dengan sesuatu kerja yang akan dilihat sebagai mengaibkan bagi seseorang anggota angkatan tentera Kuasa Penahan itu sendiri.

Penyingkiran periuk api atau peranti seumpamanya hendaklah dianggap sebagai kerja berbahaya.

Perkara 53

Tempoh bekerja

Tempoh bekerja harian tawanan perang, termasuk masa perjalanan pergi dan pulang, hendaklah tidak berlebihan; dan mestilah tidak sekali-kali melebihi tempoh bekerja yang dibenarkan kepada pekerja awam, iaitu warganegara Kuasa Penahan di daerah yang sama dan melakukan kerja yang sama.

Tawanan perang hendaklah dibenarkan untuk berehat selama tidak kurang daripada sejam pada pertengahan hari bekerja. Tempoh rehat ini hendaklah sama dengan hak tempoh rehat pekerja Kuasa Penahan, jika tempoh rehat mereka yang disebut kemudian itu adalah lebih lama. Mereka hendaklah dibenarkan dengan tambahan cuti rehat selama dua puluh empat jam berturut-turut setiap minggu, sebaik-baiknya pada hari Ahad atau pada hari cuti rehat yang ditetapkan di negara asal mereka. Tambahan lagi, setiap tawanan yang telah bekerja selama setahun hendaklah diberi cuti rehat selama lapan hari berturut-turut, sementara gajinya hendaklah terus dibayar kepadanya.

Jika kaedah buruh seperti upah ikut kerja digunakan, tempoh bekerja hendaklah tidak menjadi melampau atas sebab kaedah buruh itu.

Perkara 54

Gaji bekerja. Kemalangan kerja dan penyakit

Gaji bekerja yang wajar dibayar kepada tawanan perang hendaklah ditetapkan menurut peruntukan Perkara 62 Konvensyen ini.

Tawanan perang yang mengalami kemalangan berkaitan kerja, atau yang dijangkiti penyakit semasa, atau akibat kerja mereka, hendaklah menerima segala penjagaan yang keadaan mereka perlukan. Kuasa Penahan hendaklah selanjutnya menyampaikan kepada tawanan perang tersebut sijil sakit yang membolehkan mereka mengemukakan tuntutan kepada Kuasa yang padanya mereka bergantung, dan hendaklah

menghantar salinan pendua sijil tersebut kepada Agensi Tawanan Perang Pusat yang diperuntukkan dalam Perkara 123.

Perkara 55

Penyeliaan perubatan

Kesesuaian kesihatan tawanan perang untuk bekerja hendaklah disahkan secara berkala melalui pemeriksaan perubatan sekurang-kurangnya sekali setiap bulan. Pemeriksaan itu hendaklah terutamanya mengambil kira jenis kerja yang perlu dilakukan oleh tawanan perang.

Jika mana-mana tawanan perang menganggap dirinya sebagai tidak mampu untuk bekerja, dia hendaklah diizinkan untuk diperiksa oleh pihak berkuasa perubatan di kemnya. Doktor atau pakar bedah boleh mengesyorkan supaya tawanan, yang dalam pendapat mereka tidak sesuai untuk bekerja, dikecualikan daripada bekerja.

Perkara 56

Tempat kerja berasingan

Organisasi dan pentadbiran tempat kerja berasingan hendaklah sama dengan organisasi dan pentadbiran kem tawanan perang.

Setiap tempat kerja berasingan hendaklah tetap berada bawah kawalan dan sebahagian daripada pentadbiran suatu kem tawanan perang. Pihak berkuasa tentera dan komander kem itu hendaklah bertanggungjawab, bawah arahan kerajaan mereka, terhadap pematuhan peruntukan Konvensyen ini di tempat kerja berasingan.

Komander kem hendaklah menyimpan daftar terkini tentang tempat kerja berasingan yang bergantung pada kemnya, dan hendaklah menyampaikan daftar ini kepada wakil Kuasa Pelindung, Jawatankuasa

Antarabangsa Palang Merah, atau agensi lain yang memberikan bantuan kepada tawanan perang yang boleh melawat kem itu.

Perkara 57

Tawanan perang yang bekerja untuk majikan persendirian

Layanan terhadap tawanan perang yang bekerja untuk orang persendirian, walaupun orang tersebut bertanggungjawab untuk mengawal selia dan melindungi mereka, hendaklah tidak kurang daripada layanan yang diperuntukkan bawah Konvensyen ini. Kuasa Penahan, pihak berkuasa tentera dan komander kem yang tawanan tersebut tergolong hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyelenggaraan, penjagaan, layanan dan pembayaran gaji kerja tawanan perang tersebut.

Tawanan perang tersebut berhak untuk terus berhubung dengan wakil tawanan di kem yang mereka bergantung.

SEKSYEN IV

SUMBER KEWANGAN TAWANAN PERANG

Perkara 58

Wang sedia ada

Apabila pertempuran meletus, dan sementara menunggu penyelesaian tentang perkara ini dengan Kuasa Pelindung, Kuasa Penahan boleh menentukan jumlah maksimum wang tunai atau dalam bentuk seumpamanya yang boleh dimiliki oleh tawanan. Sembarang jumlah lebihan dalam milikan nyata mereka dan yang telah diambil atau dipegang

daripada mereka, hendaklah dimasukkan ke dalam akaun mereka bersama wang yang mereka masukkan, dan hendaklah tidak ditukar kepada apa-apa mata wang lain tanpa persetujuan mereka.

Jika tawanan perang diizinkan untuk membeli perkhidmatan atau komoditi di luar kem dengan bayaran tunai, bayaran tersebut hendaklah tawanan itu lakukan sendiri atau oleh pentadbiran kem yang akan menolak caj itu daripada akaun tawanan berkenaan. Kuasa Penahan akan memperuntukkan peraturan yang perlu tentang perkara ini.

Perkara 59

Jumlah tunai yang diambil daripada tawanan

Wang tunai yang diambil daripada tawanan perang, menurut Perkara 18, pada masa penawanan mereka, dan yang berada dalam mata wang Kuasa Penahan, hendaklah dimasukkan ke dalam akaun mereka yang berasingan, menurut peruntukan Perkara 64 Seksyen ini.

Jumlah wang dalam mata wang Kuasa Penahan yang tertakluk pada penukaran jumlah wang dalam mata wang lain yang diambil daripada tawanan perang, pada masa yang sama, hendaklah juga dikreditkan ke dalam akaun mereka yang berasingan.

Perkara 60

Bayaran pendahuluan

Kuasa Penahan hendaklah membayar kepada semua tawanan perang, wang pendahuluan gaji sebulan yang jumlahnya ditetapkan melalui penukaran kepada mata wang Kuasa Penahan dengan jumlah berikut:

Kategori I: Tawanan berpangkat bawah sarjan: lapan franc Swiss.

Kategori II: Sarjan dan pegawai tidak bertauliah lain, atau tawanan sama pangkat: dua belas franc Swiss.

Kategori III: Pegawai waran dan bertauliah berpangkat bawah mejar, atau tawanan sama pangkat: lima puluh franc Swiss

Kategori IV: Mejar, leftenan-kolonel, kolonel atau tawanan sama pangkat: enam puluh franc Swiss

Kategori V: Jeneral atau tawanan perang sama pangkat: tujuh puluh lima franc Swiss.

Walau bagaimanapun, Pihak-pihak yang berkonflik berkenaan boleh, melalui perjanjian khas, mengubah suai jumlah wang pendahuluan gaji yang wajar dibayar kepada tawanan yang tergolong dalam kategori di atas.

Tambahan pula, jika jumlah dalam perenggan pertama di atas lebih tinggi berbanding gaji angkatan tentera Kuasa Penahan, atau atas apa-apa sebab yang akan sangat memalukan Kuasa Penahan, maka, sementara menunggu suatu perjanjian khas dimuktamadkan dengan Kuasa yang padanya tawanan bergantung untuk mengubah jumlah tersebut di atas, Kuasa Penahan:

- (a) hendaklah terus mengkreditkan ke dalam akaun tawanan jumlah dalam perenggan pertama di atas;
- (b) boleh menghadkan secara sementara jumlah yang disediakan daripada wang pendahuluan gaji tawanan perang untuk kegunaan mereka, kepada jumlah yang munasabah, tetapi, bagi Kategori I, hendaklah tidak sekali-kali lebih rendah daripada jumlah Kuasa Penahan membayar kepada anggota tentera mereka sendiri.

Sebab untuk sembarang had hendaklah diberikan tanpa kelengahan kepada Kuasa Pelindung.

Perkara 61

Bayaran tambahan

Kuasa Penahan hendaklah menerima untuk edaran sebagai gaji tambahan kepada tawanan perang jumlah wang yang Kuasa tawanan bergantung padanya boleh serahkan kepada Kuasa Penahan, dengan syarat bahawa jumlah wang yang dibayar itu hendaklah sama bagi setiap tawanan dalam kategori yang sama, dan hendaklah dibayar kepada semua tawanan dalam kategori yang sama yang bergantung pada Kuasa tersebut, dan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun mereka yang berasingan, pada kesempatan yang terawal, menurut peruntukan Perkara 64. Gaji tambahan tersebut hendaklah tidak melepaskan Kuasa Penahan daripada mana-mana kewajipan bawah Konvensyen ini.

Perkara 62

Bayaran kerja

Tawanan perang hendaklah dibayar suatu gaji pada kadar yang adil oleh pihak berkuasa yang menahan secara langsung. Kadar gaji itu hendaklah ditetapkan oleh pihak berkuasa tersebut tetapi hendaklah tidak sama sekali kurang daripada seperempat daripada satu franc Swiss untuk sehari penuh bekerja. Kuasa Penahan hendaklah memaklumi tawanan perang dan Kuasa yang padanya mereka bergantung, melalui perantaraan Kuasa Pelindung, tentang kadar gaji kerja harian yang ditetapkannya.

Gaji hendaklah juga dibayar oleh pihak berkuasa yang menahan tawanan perang yang diberi tugas secara tetap atau pekerjaan mahir atau separuh mahir yang berkaitan dengan pentadbiran, pemasangan atau penyelenggaraan kem, dan kepada tawanan yang dikehendaki untuk menjalankan kewajipan kerohanian atau perubatan bagi pihak rakan mereka.

Gaji wakil tawanan, penasihat-penasihatnya, jika ada, dan pembantu-pembantunya, hendaklah dibayar daripada dana yang diperoleh daripada keuntungan kantin. Skala gaji ini hendaklah ditetapkan oleh wakil tawanan dan diluluskan oleh komander kem. Jika dana itu tidak wujud, pihak berkuasa yang menahan hendaklah membayar tawanan itu suatu gaji pada kadar yang adil.

Perkara 63

Pemindahan dana

Tawanan perang hendaklah dibenarkan untuk menerima kiriman wang yang dialamatkan kepada mereka secara individu atau kelompok.

Setiap tawanan perang hendaklah mempunyai baki kredit dalam akaunnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara berikut untuk digunakan, bawah had yang ditetapkan oleh Kuasa Penahan yang hendaklah membuat bayaran tersebut atas permintaan. Tertakluk pada sekatan kewangan yang Kuasa Penahan anggap sebagai penting, tawanan perang juga boleh mengarahkan bayaran dibuat di luar negara. Dalam hal ini, bayaran yang tawanan perang tujukan kepada tanggungan mereka hendaklah diberikan keutamaan.

Dalam apa-apa jua keadaan, dan tertakluk pada persetujuan Kuasa yang padanya mereka bergantung, tawanan boleh mengatur supaya bayaran dibuat di negara mereka sendiri, seperti yang berikut: Kuasa Penahan hendaklah menghantar kepada Kuasa tersebut melalui Kuasa Pelindung, suatu pemberitahuan yang mengandungi semua butiran yang perlu tentang tawanan perang, penerima bayaran itu, dan jumlah wang yang hendak dibayar dalam mata wang Kuasa Penahan. Pemberitahuan tersebut hendaklah ditandatangani oleh tawanan dan dengan tandatangan balas komander kem. Kuasa Penahan hendaklah mendebitkan akaun tawanan

dengan jumlah sewajarnya; jumlah yang didebit itu hendaklah dimasukkan ke dalam kredit Kuasa yang padanya tawanan bergantung.

Bagi pemakaian peruntukan di atas, Kuasa Penahan boleh merujuk dan menggunakan Model Peraturan-Peraturan dalam Lampiran V Konvensyen ini.

Perkara 64

Akaun tawanan

Kuasa Penahan hendaklah memegang satu akaun untuk setiap tawanan perang yang menunjukkan sekurang-kurangnya yang berikut:

- (1) Jumlah yang wajar dibayar kepada tawanan atau yang telah tawanan terima sebagai pendahuluan gaji, atau yang diperoleh daripada mana-mana sumber lain; jumlah wang dalam mata wang Kuasa Penahan yang diambil daripadanya; jumlah wang yang diambil daripadanya dan ditukarkan atas permintaannya kepada mata wang Kuasa Penahan.
- (2) Bayaran yang dibuat kepada tawanan dalam bentuk tunai, atau dalam apa-apa bentuk lain yang serupa; bayaran yang dibuat bagi pihaknya dan atas permintaannya; jumlah wang yang dipindahkan menurut Perkara 63 perenggan 3.

Perkara 65

Pengurusan akaun tawanan

Setiap item yang dimasukkan ke dalam akaun seseorang tawanan perang hendaklah ditandatangani balas atau ringkas oleh tawanan itu, atau oleh wakil tawanan yang bertindak bagi pihaknya.

Tawanan perang hendaklah pada setiap masa diberi kemudahan yang munasabah untuk merujuk dan mendapatkan salinan akaun mereka, yang juga boleh diperiksa oleh wakil Kuasa Pelindung semasa membuat lawatan ke kem.

Apabila tawanan perang dipindahkan dari suatu kem ke suatu kem yang lain, akaun peribadi mereka akan mengikuti pemindahan mereka. Dalam hal pemindahan daripada suatu Kuasa Penahan kepada suatu Kuasa Penahan yang lain, wang milik tawanan dan bukan dalam mata wang Kuasa Penahan, akan mengikuti pemindahan mereka. Mereka hendaklah diberi sijil bagi sembarang wang lain yang ada dalam kredit bagi akaun mereka.

Pihak-pihak yang berkonflik berkenaan boleh bersetuju untuk memaklumi antara satu sama lain, pada jangka masa tertentu melalui Kuasa Pelindung, tentang jumlah wang dalam akaun tawanan perang.

Perkara 66

Pengakhiran akaun

Pada penamatan penawanan, melalui pembebasan seseorang tawanan perang atau penghantaran pulangnya, Kuasa Penahan hendaklah memberi tawanan itu suatu kenyataan, ditandatangani oleh seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Kuasa itu, yang menunjukkan baki kredit yang kena dibayar kepadanya. Kuasa Penahan hendaklah juga menghantar melalui Kuasa Pelindung kepada kerajaan yang padanya tawanan perang itu bergantung, senarai yang memberikan semua butiran yang sesuai tentang semua tawanan perang yang telah tamat penawanannya melalui penghantaran pulang, pembebasan, pelarian diri, kematian atau apa-apa cara lain, dan yang menunjukkan jumlah baki kredit mereka. Senarai tersebut hendaklah disahkan pada setiap helaian oleh wakil yang diberi kuasa oleh Kuasa Penahan.

Mana-mana peruntukan Perkara di atas ini boleh diubah dengan persetujuan mana-mana dua Pihak yang berkonflik.

Kuasa yang padanya tawanan perang bergantung hendaklah bertanggungjawab untuk menyelesaikan bayaran kepada tawanan perang itu apa-apa baki kredit yang terhutang kepadanya daripada Kuasa Penahan pada masa penawanannya tamat.

Perkara 67

Pelarasan antara Pihak-pihak yang berkonflik

Pendahuluan gaji yang dibayar kepada tawanan perang selaras dengan Perkara 60 hendaklah dianggap sebagai dibuat bagi pihak Kuasa yang padanya mereka bergantung. Pendahuluan gaji itu, dan juga segala bayaran Kuasa tersebut menurut Perkara 63, perenggan ketiga, dan Perkara 68, hendaklah diatur antara Kuasa-kuasa berkenaan, apabila pertempuran tamat.

Perkara 68

Tuntutan pampasan

Apa-apa tuntutan pampasan oleh seseorang tawanan perang bagi apa-apa kecederaan atau kekurangupayaan lain akibat kerja hendaklah dirujuk kepada Kuasa yang padanya mereka bergantung melalui Kuasa Pelindung. Selaras dengan Perkara 54, Kuasa Penahan akan, dalam semua kes, mengeluarkan kepada tawanan perang itu kenyataan yang menyatakan butiran tentang kecederaan atau kekurangupayaan itu, keadaan yang kecederaan atau kekurangupayaan itu timbul dan rawatan perubatan atau hospital yang telah diberikan untuknya. Kenyataan ini akan ditandatangani oleh pegawai Kuasa Penahan yang bertanggungjawab dan butir-butir perubatan yang disahkan oleh pegawai perubatan.

Apa-apa tuntutan pampasan oleh seseorang tawanan perang berkenaan dengan barangan peribadi, wang atau barang berharga yang dirampas oleh Kuasa Penahan bawah Perkara 18 dan tidak dikembalikan pada masa penghantaran pulang tawanan perang, atau tentang kerugian yang didakwa akibat kesalahan Kuasa Penahan atau mana-mana penjawatnya, hendaklah juga dirujuk kepada Kuasa yang padanya tawanan perang itu bergantung. Walau bagaimanapun, apa-apa barangan peribadi yang dikehendaki untuk kegunaan tawanan perang semasa mereka ditawan hendaklah digantikan atas tanggungan Kuasa Penahan. Kuasa Penahan akan, dalam semua hal, menyediakan kepada tawanan perang kenyataan, yang ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab yang menyatakan semua maklumat sedia ada tentang sebab barangan, wang atau barang berharga berkenaan tidak dikembalikan kepadanya. Salinan pendua kenyataan ini hendaklah dilanjutkan kepada Kuasa yang padanya tawanan perang itu bergantung melalui Agensi Tawanan Perang Pusat yang diperuntukkan dalam Perkara 123.

SEKSYEN V

HUBUNGAN TAWANAN PERANG DENGAN DUNIA LUAR

Perkara 69

Pemakluman langkah yang diambil

Sebaik sahaja tawanan perang jatuh ke tangannya, Kuasa Penahan hendaklah memaklumi mereka dan Kuasa-kuasa yang padanya mereka bergantung, melalui Kuasa Pelindung, tentang langkah yang diambil untuk melaksanakan peruntukan Seksyen ini. Mereka hendaklah juga memaklumi Pihak-pihak berkenaan tentang apa-apa pengubahsuaian langkah tersebut.

Perkara 70

Kad penawanan

Sebaik sahaja ditawan, atau tidak lebih dari seminggu selepas tiba di sesebuah kem, walaupun kem itu kem transit, begitu juga dalam hal sakit atau pemindahan ke hospital atau kem lain, setiap tawanan perang hendaklah dibenarkan untuk menulis secara terus kepada keluarganya, pada sebelah pihak, dan kepada Agensi Tawanan Perang Pusat yang diperuntukkan dalam Perkara 123, pada pihak yang lain, suatu kad yang serupa, jika boleh, dengan model contoh yang dilampirkan pada Konvensyen ini, yang memaklumkan kepada saudara-maranya tentang penawanan, alamat dan keadaan kesihatannya. Kad tersebut hendaklah dilanjutkan secepat mungkin dan tidak boleh dilengahkan dalam apa-apa jua cara.

Perkara 71

Surat-menyurat

Tawanan perang hendaklah dibenarkan untuk menghantar dan menerima surat dan kad. Jika Kuasa Penahan menganggap perlu untuk mengehadikan bilangan surat dan kad yang dihantar oleh setiap tawanan perang, bilangan itu hendaklah tidak kurang daripada dua surat dan empat kad setiap bulan, tidak termasuk kad penawanan yang diperuntukkan dalam Perkara 70, dan mematuhi dengan sebanyak mungkin model kad yang dilampirkan pada Konvensyen ini.

Had selanjutnya hanya boleh dikenakan jika Kuasa Pelindung berpuas hati bahawa had itu dalam kepentingan tawanan perang yang berkenaan oleh sebab kesukaran penterjemahan akibat ketidakupayaan Kuasa Penahan untuk mendapatkan jurubahasa berkelayakan untuk melakukan tapisan yang perlu. Jika had dikenakan pada surat yang dialamatkan kepada tawanan perang, had itu hanya boleh diperintahkan oleh Kuasa

yang padanya tawanan itu bergantung, atas permintaan Kuasa Penahan. Surat dan kad tersebut hendaklah dihantar melalui kaedah yang paling pantas yang boleh Kuasa Penahan gunakan; ia tidak boleh dilengahkan atau dihalang atas sebab disiplin.

Tawanan perang yang sudah lama tidak menerima khabar berita, atau yang tidak dapat menerima khabar berita daripada waris terdekat atau memberi khabar kepada waris terdekat melalui pos biasa, dan juga tawanan perang yang berada di tempat yang sangat jauh dari rumah mereka, hendaklah dibenarkan untuk menghantar telegram, yuran telegram hendaklah dikenakan kepada akaun tawanan perang yang ada pada Kuasa Penahan, atau dibayar dengan mata wang yang ada pada mereka. Mereka hendaklah juga mendapat manfaat daripada langkah ini dalam hal mustahak.

Sebagai peraturan am, surat-menyurat tawanan perang hendaklah ditulis dalam bahasa ibunda mereka. Pihak-pihak yang berkonflik boleh membenarkan surat-menyurat dalam bahasa lain.

Karung yang mengandungi mel tawanan perang hendaklah dimeterai dengan selamat dan dilabelkan dengan jelas menunjukkan isi kandungan karung itu, dan hendaklah dialamatkan kepada pejabat destinasi.

Perkara 72

Penghantaran bantuan

I. Prinsip am

Tawanan perang hendaklah dibenarkan untuk menerima melalui pos atau sembarang kaedah lain, bungkusan individu atau hantaran berkelompok yang mengandungi, terutamanya, bahan makanan, pakaian, bekalan perubatan dan bahan keagamaan, pendidikan atau rekreasi yang dapat memenuhi keperluan mereka, termasuklah buku, barang ibadah, peralatan sains, kertas peperiksaan, alat muzik, pakaian dan bahan sukan yang

membolehkan tawanan perang menjalankan pembelajaran atau kegiatan kebudayaan mereka.

Penghantaran tersebut hendaklah tidak sekali-kali melepaskan Kuasa Penahan daripada kewajiban yang dikenakan padanya menurut Konvensyen ini.

Had yang boleh dikenakan pada penghantaran ini hendaklah disyorkan oleh Kuasa Pelindung demi kepentingan tawanan itu sendiri; atau oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau mana-mana pertubuhan lain yang memberikan bantuan kepada tawanan itu, berkenaan dengan penghantaran mereka sahaja berdasarkan beban luar biasa kepada pengangkutan atau komunikasi.

Syarat bagi penghantaran bungkusan individu dan bantuan berkelompok hendaklah, jika perlu, diatur melalui perjanjian khas antara Kuasa-kuasa berkenaan, yang sekali-kali tidak boleh melambatkan penerimaan bekalan bantuan oleh tawanan itu. Buku tidak boleh dimasukkan ke dalam bungkusan pakaian dan bahan makanan. Bekalan perubatan hendaklah, sebagai suatu peraturan, dihantar dalam bungkusan berkelompok.

Perkara 73

II. Bantuan berkelompok

Dalam ketiadaan perjanjian khas antara Kuasa-kuasa berkenaan tentang syarat penerimaan dan pengagihan hantaran bekalan bantuan berkelompok, peraturan dan kaedah tentang hantaran berkelompok yang dilampirkan pada Konvensyen ini, hendaklah terpakai.

Perjanjian khas tersebut hendaklah sekali-kali tidak mengehendkan hak wakil tawanan untuk mengambil milikan penghantaran bantuan berkelompok yang dimaksudkan untuk tawanan perang, untuk meneruskan pengagihannya, atau melupuskannya demi kepentingan tawanan.

Perjanjian tersebut juga hendaklah tidak mengehendak hak wakil Kuasa Pelindung, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau mana-mana pertubuhan lain yang memberikan bantuan kepada tawanan perang dan bertanggungjawab untuk melanjutkan penghantaran berkelompok, untuk mengawasi pengagihan tersebut kepada penerima.

Perkara 74

Pengecualian daripada caj pengeposan dan pengangkutan

Semua penghantaran bantuan kepada tawanan perang hendaklah dikecualikan daripada caj import, kastam dan lain-lain.

Surat-menyurat, penghantaran bantuan dan kiriman wang yang dibenarkan yang dialamatkan kepada tawanan perang atau yang dihantar oleh mereka melalui pejabat pos, sama ada secara terus atau melalui Biro Maklumat dalam Perkara 122 dan Agensi Tawanan Perang Pusat dalam Perkara 123, hendaklah dikecualikan daripada apa-apa bayaran pos, baik di negara asal mahupun negara destinasi, dan di negara-negara perantaraan.

Jika penghantaran bantuan yang dimaksudkan untuk tawanan perang tidak boleh dihantar melalui pejabat pos atas sebab beratnya atau atas apa-apa sebab lain, kos pengangkutan hendaklah ditanggung oleh Kuasa Penahan di semua wilayah dalam kawalannya. Kuasa-kuasa pihak kepada Konvensyen ini yang lain hendaklah menanggung kos pengangkutan di negara masing-masing.

Dalam ketiadaan perjanjian khas antara Pihak-pihak berkenaan, kos berkaitan dengan pengangkutan hantaran tersebut, selain daripada kos yang tertakluk pada pengecualian di atas, hendaklah dikenakan kepada penghantar.

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi hendaklah berusaha untuk mengurangkan, sebanyak mungkin, kadar yang dikenakan bagi telegram yang dihantar oleh tawanan perang atau yang dialamatkan kepada mereka.

Perkara 75

Kaedah pengangkutan khas

Jika operasi ketenteraan menghalang Kuasa-kuasa berkenaan daripada memenuhi kewajipan mereka untuk memastikan pengangkutan hantaran yang dirujuk dalam Perkara 70, 71, 72, dan 77, Kuasa-kuasa Pelindung berkenaan, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau mana-mana pertubuhan lain yang diluluskan sewajarnya oleh Pihak-pihak yang berkonflik, boleh beraku janji untuk memastikan penyampaian hantaran tersebut melalui kaedah yang sesuai (gerabak kereta api, kenderaan bermotor, kapal atau pesawat dan sebagainya). Bagi tujuan ini, Pihak-pihak Pejanji Tertinggi hendaklah, berusaha untuk menyediakan pengangkutan tersebut kepada mereka dan, untuk membenarkan perjalanan pengangkutan itu, terutamanya dengan memberikan perlindungan keselamatan yang perlu.

Pengangkutan tersebut boleh juga digunakan untuk menyampaikan:

- (a) Surat-menyurat, senarai dan laporan yang bertukaran antara Agensi Maklumat Pusat yang dirujuk dalam Perkara 123 dan Biro Kebangsaan yang disebut dalam Perkara 122;
- (b) Surat-menyurat dan laporan tentang tawanan perang yang bertukaran antara Kuasa-kuasa Pelindung, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau mana-mana badan lain yang membantu tawanan, sama ada dengan wakil mereka sendiri atau dengan Pihak-pihak yang berkonflik.

Peruntukan ini sekali-kali tidak menjejaskan hak mana-mana Pihak yang berkonflik untuk mengaturkan kaedah pengangkutan lain, jika lebih disukai oleh Pihak tersebut, dan tidaklah menghalang pemberian perlindungan keselamatan, menurut syarat yang dipersetujui bersama, kepada kaedah pengangkutan tersebut.

Dalam ketiadaan perjanjian khas, kos yang berbangkit daripada penggunaan kaedah pengangkutan tersebut hendaklah ditanggung secara berkadaran oleh Pihak-pihak yang berkonflik yang rakyatnya menerima manfaat daripada pengangkutan tersebut.

Perkara 76

Penapisan dan pemeriksaan

Penapisan surat-menyurat yang dialamatkan kepada tawanan perang atau yang dihantar oleh mereka hendaklah dilakukan secepat mungkin. Surat hanya boleh ditapis oleh Negara penghantar dan Negara penerima, dan masing-masing hanya sekali.

Pemeriksaan kiriman yang dimaksudkan untuk tawanan perang hendaklah tidak dilakukan dalam keadaan yang mendedahkan barang yang terkandung di dalamnya kepada kemerosotan; kecuali bahan tertulis atau bercetak, pemeriksaan hendaklah dilakukan di hadapan penerima atau seorang rakan tawanan yang tawanan itu wakikan dengan sewajarnya. Penyerahan kiriman individu atau kelompok kepada tawanan tidak boleh dilengahkan atas sebab kesukaran penapisan.

Apa-apa larangan surat-menyurat yang diperintahkan oleh Pihak-pihak yang berkonflik, sama ada atas sebab ketenteraan atau politik, hendaklah sementara dan sesingkat mungkin.

Perkara 77

Penyediaan, penyempurnaan, dan penyampaian dokumen undang-undang

Kuasa Penahan hendaklah menyediakan segala kemudahan bagi penghantaran, melalui Kuasa Pelindung atau Agensi Tawanan Perang Pusat

dalam Perkara 123, surat cara, kertas atau dokumen yang dimaksudkan untuk tawanan perang atau yang dihantar oleh mereka, terutamanya surat kuasa wakil dan wasiat.

Dalam semua kes, Kuasa Penahan hendaklah memudahkan penyediaan dan penyempurnaan dokumen tersebut bagi pihak tawanan perang; khususnya mereka hendaklah membenarkan tawanan perang merujuk peguam dan hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk pengesahan tandatangan mereka.

SEKSYEN VI

HUBUNGAN ANTARA TAWANAN PERANG DENGAN PIHAK BERKUASA

BAB I

Aduan Tawanan Perang tentang Keadaan Penawanan

Perkara 78

Aduan dan permintaan

Tawanan perang berhak untuk memberitahu pihak berkuasa ketenteraan yang mempunyai kuasa ke atas mereka tentang permintaan mereka berkenaan dengan keadaan penawanan mereka.

Tawanan perang hendaklah juga mempunyai hak yang tidak terhad untuk memohon wakil Kuasa-kuasa Pelindung, sama ada melalui wakil tawanan atau, jika fikirkan perlu oleh mereka, secara terus, untuk memberikan perhatian kepada sembarang perkara dalam aduan tentang keadaan penawanan mereka.

Permintaan dan aduan ini hendaklah tidak mengehadkan dan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada kuota surat-menyurat yang dirujuk

dalam Perkara 71. Permintaan dan aduan ini hendaklah dihantar dengan segera. Walaupun dikenal pasti sebagai tidak berasas, permintaan dan aduan ini tidak boleh

boleh menghantar laporan berkala tentang keadaan di dalam kem dan keperluan tawanan perang kepada wakil Kuasa-kuasa Pelindung.

BAB II

Wakil Tawanan Perang

Perkara 79

Pemilihan

Di semua tempat yang tawanan perang berada, kecuali di tempat adanya pegawai, tawanan hendaklah bebas untuk memilih melalui undi sulit, setiap enam bulan, dan juga yang wujud kekosongan, wakil tawanan yang diamanahkan untuk mewakili mereka di hadapan Pihak-pihak berkuasa ketenteraan, Kuasa-kuasa Pelindung, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dan mana-mana pertubuhan lain yang dapat membantu mereka. Wakil tawanan ini hendaklah layak untuk pemilihan semula.

Di kem untuk pegawai atau yang sama status, atau di kem campuran, pegawai kanan dalam kalangan tawanan perang hendaklah diiktiraf sebagai wakil tawanan di kem itu. Di kem untuk pegawai, wakil tawanan hendaklah dibantu oleh seorang atau lebih penasihat yang dipilih oleh pegawai; di kem campuran, pembantunya hendaklah dipilih dalam kalangan tawanan perang bukan pegawai dan hendaklah dipilih oleh mereka.

Pegawai tawanan perang yang sama kerakyatan hendaklah ditempatkan di kem buruh untuk tawanan perang, bagi tujuan menjalankan tugas pentadbiran kem yang menjadi tanggungjawab tawanan perang. Pegawai ini boleh dipilih sebagai wakil tawanan menurut perenggan pertama

Perkara ini. Dalam kes ini, pembantu wakil tawanan hendaklah dipilih dalam kalangan tawanan perang bukan pegawai.

Setiap wakil yang dipilih hendaklah mendapat kelulusan Kuasa Penahan sebelum dia berhak memulakan tugasnya. Jika Kuasa Penahan enggan meluluskan seseorang tawanan perang yang dipilih oleh rakan tawanan perangnya, Kuasa Penahan hendaklah memaklumi Kuasa Pelindung tentang sebab keengganan tersebut.

Dalam semua hal, wakil tawanan mesti mempunyai kerakyatan, bahasa dan adat yang sama dengan tawanan perang yang diwakilinya. Oleh itu, tawanan perang yang ditempatkan di bahagian berbeza di suatu kem, menurut kerakyatan, bahasa atau adat mereka, masing-masing hendaklah mempunyai seorang wakil tawanan untuk setiap bahagian, menurut perenggan tersebut di atas.

Perkara 80

Tugas

Wakil tawanan hendaklah memajukan kesejahteraan jasmani, rohani, dan intelek tawanan perang.

Secara khususnya, apabila tawanan memutuskan untuk mengaturkan dalam kalangan mereka suatu sistem bantuan bersama, pertubuhan ini akan terangkum bawah kuasa wakil tawanan, sebagai tambahan kepada tugas khas yang diamanahkan kepadanya bawah peruntukan lain Konvensyen ini.

Wakil tawanan hendaklah tidak dipertanggungjawab, hanya atas sebab tugas mereka, atas mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh tawanan perang.

Perkara 81

Hak mutlak

Wakil tawanan hendaklah tidak dikehendaki untuk melakukan apa-apa kerja lain jika hal itu menyebabkan tugas mereka lebih sukar.

Wakil tawanan boleh melantik dalam kalangan tawanan, pembantu sebagaimana yang diperlukan oleh mereka. Semua kemudahan penting hendaklah diberikan kepada mereka, terutamanya kebebasan pergerakan tertentu yang perlu untuk menyelesaikan tugas mereka (pemeriksaan tempat kerja asing, penerimaan bekalan dsb).

Wakil tawanan hendaklah dibenarkan untuk melawat tempat tawanan perang ditahan, dan setiap tawanan perang berhak untuk merujuk wakil tawanan dengan bebas.

Segala kemudahan hendaklah juga diberikan kepada wakil tawanan untuk berhubung melalui pos dan telegraf dengan pihak berkuasa yang menahan, Kuasa-kuasa Pelindung, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dan anggota delegasinya, dengan Suruhanjaya Perubatan Campuran dan dengan pertubuhan yang memberikan bantuan kepada tawanan perang. Wakil tawanan di tempat-tempat kerja asing hendaklah menikmati kemudahan komunikasi yang sama dengan wakil tawanan kem utama. Komunikasi tersebut hendaklah tidak dihadkan dan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada kuota yang disebut dalam Perkara 71.

Wakil tawanan yang dipindahkan hendaklah diberi masa yang munasabah untuk membiasakan penggantian dengan hal ehwal semasa.

Dalam hal pemecatan wakil tawanan, alasan pemecatan itu hendaklah disampaikan kepada Kuasa Pelindung.

BAB III

Sekatan Keseksaan dan Disiplin

I. Peruntukan Am

Perkara 82

Perundangan boleh guna

Seseorang tawanan perang tertakluk pada undang-undang, kaedah dan perintah yang berkuat kuasa dalam angkatan tentera Kuasa Penahan; Kuasa Penahan boleh mengambil langkah kehakiman atau disiplin bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang tawanan perang terhadap undang-undang, kaedah atau perintah tersebut. Walau bagaimanapun, prosiding atau hukuman yang melanggar peruntukan Bab ini tidak dibenarkan.

Jika suatu undang-undang, kaedah atau perintah Kuasa Penahan memperuntukkan bahawa perbuatan yang dilakukan oleh seseorang tawanan perang boleh dihukum, sedangkan perbuatan yang sama tidak boleh dihukum jika dilakukan oleh seseorang anggota angkatan tentera Kuasa Penahan, perbuatan tersebut hanya boleh membawa hukuman disiplin sahaja.

Perkara 83

Pilihan prosiding disiplin atau kehakiman

Dalam memutuskan sama ada prosiding yang hendak dijalankan bagi sesuatu dakwaan kesalahan terhadap seseorang tawanan perang ialah prosiding kehakiman atau disiplin, Kuasa Penahan hendaklah memastikan bahawa Pihak-pihak berkuasa berwibawa memberikan sebanyak mungkin kelonggaran dan seboleh-bolehnya mengambil langkah disiplin dan bukan kehakiman.

Perkara 84

Mahkamah

Seseorang tawanan perang hendaklah dibicarakan hanyalah oleh mahkamah tentera, kecuali undang-undang Kuasa Penahan nyata mengizinkan mahkamah awam untuk membicarakan seseorang anggota angkatan tentera Kuasa Penahan bagi kesalahan tertentu yang didakwa dilakukan oleh tawanan perang itu.

Seseorang tawanan perang tidak boleh sama sekali dibicarakan oleh mana-mana mahkamah yang tidak memberikan jaminan kebebasan dan kesaksamaan asas sebagaimana yang diiktiraf umum, dan khususnya tatacara mahkamah yang tidak memberikan tertuduh hak dan kaedah pembelaan diri yang diperuntukkan bawah Perkara 105.

Perkara 85

Kesalahan sebelum penawanan

Tawanan perang yang didakwa bawah undang-undang Kuasa Penahan atas perbuatan yang dilakukan sebelum penawanan, walaupun sabit kesalahan, tetap mendapat manfaat daripada Konvensyen ini.

Perkara 86

“Non bis in dem”

Tawanan perang tidak boleh dihukum lebih daripada sekali bagi perbuatan atau pertuduhan yang sama.

Perkara 87

Denda

Tawanan perang tidak boleh dikenakan apa-apa hukuman oleh pihak berkuasa tentera dan mahkamah Kuasa Penahan, kecuali yang telah

diperuntukkan bagi anggota tentera Kuasa tersebut yang melakukan perbuatan yang sama.

Dalam menetapkan hukuman, mahkamah dan Pihak-pihak berkuasa tentera Kuasa Penahan hendaklah mengambil kira, sebanyak mungkin, kenyataan bahawa tertuduh, sebagai bukan rakyat Kuasa Penahan, tidak terikat pada mana-mana kewajipan taat setia, dan bahawa tertuduh berada dalam kuasanya akibat keadaan di luar kehendaknya. Mahkamah dan pihak berkuasa tersebut bebas untuk mengurangkan hukuman yang diperuntukkan bagi pelanggaran yang dipertuduhkan ke atas tawanan perang, dan oleh sebab itu, tidaklah terikat untuk mengenakan hukuman minimum yang diperuntukkan.

Hukuman berkelompok bagi perbuatan individu, hukuman sebat, pemenjaraan di tempat yang gelap tanpa cahaya matahari dan, secara amnya, sembarang bentuk penyeksaan atau kekejaman, hendaklah dilarang.

Tiada tawanan perang boleh dilucutkan pangkatnya oleh Kuasa Penahan atau boleh dihalang daripada memakai lencananya.

Perkara 88

Pelaksanaan denda

Pegawai, pegawai tidak bertauliah, dan tawanan perang lelaki yang menjalani hukuman disiplin atau kehakiman, hendaklah tidak dikenakan layanan yang lebih teruk daripada yang diberikan kepada anggota tentera Kuasa Penahan yang sama pangkat.

Seseorang tawanan perang wanita hendaklah tidak diberi atau dijatuhkan hukuman yang lebih berat, atau dilayan selama menjalani hukuman, dengan lebih teruk daripada anggota tentera wanita Kuasa Penahan untuk kesalahan yang seumpamanya.

Seseorang tawanan perang wanita hendaklah tidak sekali-kali dijatuhi atau diberi hukuman yang lebih berat, atau dilayan selama menjalani hukuman, dengan lebih keras daripada anggota tentera lelaki Kuasa Penahan untuk kesalahan yang seumpamanya.

Tawanan perang yang menjalani hukuman disiplin atau kehakiman tidak boleh diberi layanan berbeza daripada tawanan perang yang lain.

II. Sekatan Disiplin

Perkara 89

Pemerhatian am

I. Bentuk hukuman

Hukuman disiplin yang terpakai kepada tawanan perang adalah seperti yang berikut:

- (1) Denda yang tidak melebihi 50 peratus daripada pendahuluan gaji dan upah kerja yang boleh tawanan perang terima jika tidak dikenakan hukuman disiplin menurut Perkara 60 dan 62 dalam masa tidak melebihi 30 hari.
- (2) Penamatan keistimewaan yang diberikan melebihi layanan yang diperuntukkan oleh Konvensyen ini.
- (3) Tugas tanpa penggunaan senjata tidak melebihi dua jam sehari.
- (4) Pengurangan.

Hukuman yang dirujuk bawah perenggan (3) hendaklah tidak terpakai kepada pegawai.

Hukuman disiplin hendaklah tidak sekali-kali tidak berperikemanusiaan, kejam atau membahayakan kesihatan tawanan perang.

Perkara 90

Tempoh hukuman

Tempoh satu-satu hukuman hendaklah tidak sekali-kali melebihi 30 hari. Mana-mana tempoh pengurangan yang dijalankan sementara menunggu pendengaran kesalahan atau hukuman disiplin diputuskan hendaklah ditolak daripada tempoh hukuman disiplin yang seseorang tawanan perang jalani.

Hukuman maksimum tiga puluh hari di atas tidak boleh dilebihkan, walaupun tawanan perang itu bertanggungjawab atas beberapa perbuatan pada masa yang sama hukumannya diputuskan, sama ada perbuatan tersebut berkaitan atau tidak.

Tempoh antara pengumuman keputusan hukuman disiplin dengan pelaksanaannya hendaklah tidak melebihi sebulan.

Apabila seseorang tawanan perang dijatuhi hukuman disiplin selanjutnya, tempoh sekurang-kurangnya tiga hari hendaklah berlalu antara pelaksanaan mana-mana dua daripada hukuman itu, jika tempoh salah satu daripada hukuman itu adalah sepuluh hari atau lebih.

Perkara 91

Melarikan diri

I. Berjaya melarikan diri

Seseorang tawanan perang hendaklah dianggap berjaya melarikan diri setelah dia:

- (1) menyertai angkatan tentera Kuasa yang padanya dia bergantung, atau angkatan tentera suatu Kuasa bersekutu;
- (2) meninggalkan wilayah di bawah kawalan Kuasa Penahan atau sekutu Kuasa tersebut;
- (3) menyertai kapal yang mengibarkan bendera Kuasa yang padanya dia bergantung, atau bendera suatu Kuasa bersekutu, di perairan wilayah

Kuasa Penahan, dan kapal tersebut bukan bawah kawalan Kuasa Penahan.

Tawanan perang yang berjaya melarikan diri dalam erti kata Perkara ini dan ditawan semula hendaklah tidak dikenakan hukuman akibat melarikan diri itu.

Perkara 92

II. Tidak berjaya melarikan diri

Seseorang tawanan perang yang cuba melarikan diri tetapi ditawan semula sebelum berjaya melarikan diri dalam erti kata Perkara 91, hanya boleh dikenakan hukuman disiplin bagi perbuatan melarikan diri itu, walaupun kesalahan itu berulang.

Seseorang tawanan perang yang ditawan semula hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa tentera yang bertauliah tanpa kelengahan.

Tanpa mengira Perkara 88, perenggan keempat, tawanan perang yang dihukum kerana tidak berjaya melarikan diri boleh dikenakan pengawasan khas. Pengawasan tersebut mestilah tidak menjejaskan keadaan kesihatan mereka, mestilah dijalankan di kem tawanan perang, dan mestilah tidak menyekat mana-mana perlindungan yang Konvensyen ini berikan kepada mereka.

Perkara 93

Kesalahan yang berkait

Perbuatan melarikan diri atau cubaan untuk melarikan diri, walaupun suatu kesalahan berulang, hendaklah tidak dianggap sebagai keadaan yang memberatkan, jika tawanan perang itu dibicarakan melalui prosiding kehakiman berkaitan dengan kesalahan yang dilakukannya semasa melarikan diri atau percubaan untuk melarikan diri.

Selaras dengan prinsip yang dinyatakan dalam Perkara 83, kesalahan yang dilakukan oleh tawanan perang dengan niat semata-mata untuk memudahkan mereka melarikan diri dan yang tidak melibatkan apa-apa keganasan terhadap nyawa atau anggota badan, seperti kesalahan terhadap harta benda awam, pencurian tanpa niat untuk memperkaya diri, merangka atau menggunakan dokumen palsu, memakai pakaian orang awam, hendaklah hanya membawa hukuman disiplin.

Tawanan perang yang membantu atau bersubahat dalam melarikan diri atau cubaan untuk melarikan diri hendaklah hanya dikenakan hukuman disiplin atas perbuatan itu sahaja.

Perkara 94

Pemakluman penawanan semula

Jika seseorang tawanan perang yang melarikan diri ditawan semula, Kuasa yang padanya dia bergantung hendaklah dimaklumkan tentang hal itu menurut cara yang ditakrifkan dalam Perkara 122, dengan syarat bahawa pemberitahuan tentang pelariannya telah dibuat.

Perkara 95

Tatacara I. Pengurangan menunggu perbicaraan

Seseorang tawanan perang yang dituduh melakukan kesalahan disiplin hendaklah tidak dikurung sementara menunggu perbicaraan kecuali jika seseorang anggota tentera Kuasa Penahan yang dituduh dengan kesalahan yang sama juga akan dikurung sedemikian, atau jika pengurangan itu penting demi kepentingan keteraturan dan disiplin kem.

Tempoh pengurangan yang seseorang tawanan perang jalani sementara menunggu penyelesaian kes disiplin terhadapnya hendaklah

dikurangkan ke tahap paling minimum dan hendaklah tidak melebihi 14 hari.

Peruntukan Perkara 97 dan 98 dalam Bab ini hendaklah terpakai kepada tawanan perang yang berada dalam pengurungan sementara menunggu penyelesaian kes disiplin mereka.

Perkara 96

II. Pihak berkuasa berwibawa dan hak pembelaan

Perbuatan yang menjadi kesalahan disiplin hendaklah disiasat dengan segera.

Tanpa menjejaskan kewibawaan mahkamah dan Pihak-pihak berkuasa tentera atasan, hukuman disiplin hanya boleh diperintah oleh pegawai yang mempunyai kuasa disiplin selaku komander kem, atau oleh pegawai bertanggungjawab yang menggantikannya atau sesiapa yang diwakilkan dengan kuasa disiplinnya.

Kuasa tersebut sekali-kali tidak boleh diwakilkan kepada tawanan perang atau digunakan oleh tawanan perang.

Sebelum apa-apa hukuman disiplin dijatuhkan, tertuduh hendaklah diberi maklumat tepat tentang kesalahan yang dipertuduhkan ke atasnya, dan diberi peluang untuk menjelaskan kelakuannya dan untuk membela dirinya. Tertuduh hendaklah dibenarkan, dengan khusus untuk memanggil saksi dan untuk mendapatkan, jika perlu, khidmat penterjemah yang berkelayakan. Keputusan hendaklah diumumkan kepada tawanan perang dan kepada wakil tawanan.

Rekod tentang hukuman disiplin hendaklah disenggarakan oleh komander kem dan dibuka untuk pemeriksaan wakil Kuasa Pelindung.

Perkara 97

Pelaksanaan hukuman

I. Tempat

Tawanan perang hendaklah sekali-kali tidak dipindahkan ke institusi pemenjaraan (penjara, penintensiari, penjara banduan dsb) untuk menjalani hukuman disiplin.

Semua tempat yang hukuman disiplin dilaksanakan hendaklah memenuhi syarat kebersihan yang diperuntukkan dalam Perkara 25. Tawanan perang yang menjalani hukuman hendaklah dibenarkan untuk menjaga kebersihan dirinya selaras dengan Perkara 29.

Pegawai dan orang yang sama status hendaklah tidak ditempatkan dalam kuarters yang sama dengan pegawai tidak bertauliah atau lelaki.

Tawanan perang wanita yang menjalani hukuman disiplin hendaklah dikurung dalam kuarters yang berasingan daripada tawanan perang lelaki dan tawanan perang wanita dan hendaklah diawasi secara langsung oleh wanita.

Perkara 98

II. Perlindungan perlu

Seseorang tawanan perang yang menjalani pengurungan sebagai hukuman disiplin hendaklah terus menikmati manfaat daripada peruntukan Konvensyen ini, kecuali setakat yang manfaat ini tidak terpakai akibat pengurungannya itu semata-mata. Dia hendaklah tidak sekali-kali dilucutkan manfaat yang diperuntukkan bawah Perkara 78 dan 126.

Seseorang tawanan perang yang dikenakan hukuman disiplin tidak boleh dilucutkan hak mutlak yang berkait dengan pangkatnya.

Tawanan perang yang dikenakan hukuman disiplin hendaklah dibenarkan untuk bersenam dan untuk berada di ruang udara terbuka sekurang-kurangnya selama dua jam sehari.

Mereka hendaklah dibenarkan, atas permintaan mereka, untuk hadir bagi pemeriksaan perubatan harian. Mereka hendaklah menerima rawatan sebagaimana yang diperlukan oleh keadaan kesihatan mereka dan, jika perlu, hendaklah dipindahkan ke rumah sakit kem atau hospital.

Mereka hendaklah dibenarkan untuk membaca dan menulis, begitu juga untuk mengirim dan menerima surat. Bungkusan dan kiriman wang, bagaimanapun, boleh dihalang sehingga mereka selesai menjalani hukuman; sementara itu, bungkusan dan kiriman wang itu hendaklah diamanahkan kepada wakil tawanan, yang seterusnya akan menyerahkan kepada rumah sakit kem, barang cepat rosak yang terkandung di dalam bungkusan tersebut.

III. Prosiding Kehakiman

Perkara 99

Peraturan perlu

I. Prinsip am

Tiada tawanan perang boleh dibicarakan atau dihukum untuk sesuatu perbuatan yang tidak dilarang oleh undang-undang Kuasa Penahan atau undang-undang antarabangsa yang berkuat kuasa pada masa perbuatan tersebut dilakukan.

Tiada paksaan moral atau jasmani boleh dikenakan ke atas seseorang tawanan perang bagi mendorongnya untuk mengaku salah atas perbuatan yang dipertuduhkan ke atasnya.

Tiada tawanan perang boleh disabitkan bersalah tanpa diberi peluang untuk mengemukakan pembelaan dirinya dan tanpa bantuan peguam bela atau peguam yang berkeelayakan.

Perkara 100

Hukuman mati

Tawanan perang dan Kuasa-kuasa Pelindung hendaklah dimaklumkan secepat mungkin kesalahan hukuman mati menurut undang-undang Kuasa Penahan.

Kesalahan lain kemudiannya hendaklah tidak diperuntukkan dengan hukuman mati tanpa persetujuan Kuasa yang padanya tawanan perang bergantung.

Hukuman mati tidak boleh dijatuhkan ke atas seseorang tawanan perang, kecuali perhatian mahkamah telah, menurut Perkara 87 perenggan kedua, ditarik kepada fakta bahawa memandangkan tertuduh bukan rakyat Kuasa Penahan, dia tidak terikat padanya berdasarkan apa-apa kewajipan kesetiaan, dan bahawa dia berada dalam kuasa itu akibat keadaan di luar kehendaknya.

Perkara 101

III. Penangguhan pelaksanaan hukuman mati

Jika hukuman mati dijatuhkan ke atas seseorang tawanan perang, hukuman itu hendaklah tidak dilaksanakan sebelum tamat tempoh sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh Kuasa Pelindung menerima, di alamat yang dinyatakan, komunikasi terperinci yang diperuntukkan dalam Perkara 107.

Perkara 102

Tatacara

I. Syarat sah hukuman

Seseorang tawanan perang boleh dihukum dengan sah hanya jika hukuman itu dijatuhkan oleh mahkamah yang sama menurut tatacara yang sama sebagaimana dalam kes anggota tentera Kuasa Penahan yang sama, dan juga jika peruntukan Bab ini dipatuhi.

Perkara 103

II. Pengurangan menunggu perbicaraan (Pengurangan hukuman, layanan)

Siasatan kehakiman berkaitan dengan seseorang tawanan perang hendaklah dilakukan sepantas hal keadaan mengizinkan dan supaya perbicaraannya dapat diadakan secepat mungkin. Seseorang tawanan perang hendaklah tidak dikurung sementara menunggu perbicaraan kecuali jika anggota tentera Kuasa Penahan boleh juga dikurung sedemikian apabila dituduh dengan kesalahan yang sama, atau jika pengurangan itu adalah penting demi kepentingan keselamatan negara. Pengurangan ini sekali-kali hendaklah tidak melebihi tiga bulan.

Sembarang tempoh yang dilalui oleh seseorang tawanan perang dalam pengurangan sementara menunggu perbicaraan hendaklah ditolak daripada tempoh mana-mana hukuman penjara yang dijatuhkan ke atasnya dan hendaklah diambil kira dalam menetapkan apa-apa hukuman.

Peruntukan Perkara 97 dan 98 dalam Bab ini hendaklah terpakai kepada tawanan perang yang dikurung sementara menunggu perbicaraan.

Perkara 104

III. Pemakluman prosiding

Dalam apa-apa kes yang Kuasa Penahan memutuskan untuk memulakan prosiding kehakiman terhadap seseorang tawanan perang, Kuasa Penahan hendaklah memberitahu Kuasa Pelindung secepat mungkin dan sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum perbicaraan bermula. Tempoh tiga minggu ini hendaklah bermula dari hari pemakluman itu sampai kepada Kuasa Pelindung di alamat yang dinyatakan sebelumnya oleh Kuasa Pelindung kepada Kuasa Penahan.

Pemberitahuan tersebut hendaklah mengandungi maklumat berikut:

- (1) nama keluarga serta nama-nama pertama tawanan perang, pangkatnya, nombor tenteranya, nombor regimen, nombor peribadi atau nombor sirinya, tarikh lahirnya dan pekerjaan atau perniagaannya, jika ada;
- (2) tempat penahanan atau pengurungan;
- (3) perincian pertuduhan itu atau pertuduhan-pertuduhan yang tawanan perang itu akan didakwa, dengan memberikan peruntukan undang-undang yang terpakai;
- (4) mahkamah yang ditugaskan untuk membicarakan kes tersebut, begitu juga dengan tarikh dan tempat untuk permulaan perbicaraan yang ditetapkan itu.

Komunikasi yang sama hendaklah Kuasa Penahan sampaikan kepada wakil tawanan.

Jika tiada keterangan dikemukakan, semasa permulaan perbicaraan, bahawa pemakluman yang merujuk hal di atas telah diterima oleh Kuasa Pelindung, oleh tawanan perang dan oleh wakil tawanan yang berkenaan sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum permulaan perbicaraan, maka perbicaraan tersebut tidak boleh diadakan dan mesti ditangguhkan.

Perkara 105

IV. Hak dan cara pembelaan

Tawanan perang berhak untuk dibantu oleh salah seorang rakan tawanannya, untuk dibela oleh peguam bela atau peguam berkeelayakan pilihannya, untuk memanggil saksi-saksi dan, jika dianggapnya perlu, untuk menggunakan perkhidmatan penterjemah yang bertauliah. Dia hendaklah dinasihati oleh Kuasa Penahan tentang hak ini dalam masa yang sewajarnya sebelum perbicaraan.

Apabila tawanan perang gagal untuk memilih sendiri, Kuasa Pelindung hendaklah mencarikannya peguam bela atau peguam, dan hendaklah diberi masa sekurang-kurangnya seminggu untuk tujuan ini. Kuasa Penahan hendaklah menyerahkan kepada Kuasa Pelindung, atas permintaan, senarai orang yang layak untuk melakukan pembelaan itu. Apabila tawanan perang atau Kuasa Pelindung gagal untuk memilih peguam bela atau peguam, Kuasa Penahan hendaklah melantik peguam bela atau peguam yang bertauliah untuk melakukan pembelaan.

Peguam bela atau peguam yang melakukan pembelaan bagi pihak tawanan perang hendaklah diberi masa sekurang-kurangnya dua minggu sebelum permulaan perbicaraan, dan juga kemudahan yang perlu untuk menyediakan pembelaan tertuduh. Dia boleh, khususnya, bebas melawat dan menemu bual tertuduh secara persendirian. Dia juga boleh berunding dengan mana-mana saksi untuk pembelaan itu, termasuk tawanan perang. Dia hendaklah diberi manfaat kemudahan ini hingga tamat tempoh rayuan atau petisyen.

Butir pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan yang tawanan perang akan didakwa, dan juga dokumen yang disampaikan kepada tertuduh secara amnya menurut undang-undang yang berkuat kuasa bagi angkatan tentera Kuasa Penahan, hendaklah disampaikan kepada tawanan perang tertuduh dalam bahasa yang difahaminya dan dalam masa yang mencukupi sebelum perbicaraan. Komunikasi yang sama dengan hal keadaan yang sama hendaklah disampaikan kepada peguam bela atau peguam yang melakukan pembelaan bagi pihak tawanan perang.

Wakil-wakil Kuasa Pelindung berhak untuk menghadiri perbicaraan kes, kecuali, dalam keadaan luar biasa, bahawa perbicaraan diadakan secara tertutup demi kepentingan keselamatan Negara. Dalam hal tersebut, Kuasa Penahan hendaklah menasihati Kuasa Pelindung sewajarnya.

Perkara 106

V. Rayuan

Setiap tawanan perang mempunyai, sebagaimana anggota angkatan tentera Kuasa Penahan, hak untuk membuat rayuan atau mengemukakan petisyen terhadap apa-apa hukuman yang dijatuhkan ke atasnya, dengan tujuan membatalkan atau menyemak semula hukuman, atau membuka semula perbicaraan. Tawanan perang hendaklah dimaklumkan sepenuhnya tentang hak rayuan atau petisyen, dan tentang had masa baginya untuk berbuat demikian.

Perkara 107

VI. Pemakluman tentang keputusan dan hukuman

Apa-apa penghakiman dan hukuman yang dijatuhkan ke atas seseorang tawanan perang hendaklah segera dilaporkan kepada Kuasa Pelindung dalam bentuk komunikasi ringkas, yang hendaklah juga menyatakan sama ada dia mempunyai hak atau tidak, untuk merayu dengan tujuan untuk membatalkan hukuman atau untuk membuka semula perbicaraan. Komunikasi ini hendaklah juga dihantar kepada wakil tawanan yang berkenaan. Komunikasi ini hendaklah juga dihantar kepada tawanan perang yang dituduh, dalam bahasa yang difahaminya, jika hukuman itu dijatuhkan tanpa kehadirannya. Kuasa Penahan hendaklah juga segera menyampaikan kepada Kuasa Pelindung, keputusan tawanan perang untuk melaksanakan atau mengetepikan haknya untuk merayu.

Tambahan pula, jika seseorang tawanan perang dijatuhi hukuman secara muktamad atau jika hukuman pertama yang dijatuhkan ke atas seseorang tawanan perang ialah hukuman mati, Kuasa Penahan hendaklah secepat mungkin menyampaikan kepada Kuasa Pelindung suatu komunikasi terperinci yang mengandungi:

- (1) perkataan khusus yang digunakan dalam keputusan dan hukuman;
- (2) laporan ringkas tentang siasatan awal dan perbicaraan, dengan penekanan pada elemen pendakwaan dan pembelaan;
- (3) pemakluman, jika terpakai, tentang tempat hukuman akan dijalankan.

Komunikasi yang diperuntukkan dalam perenggan-perenggan kecil di atas hendaklah disampaikan kepada Kuasa Pelindung pada alamat terakhir yang dimaklumkan kepada Kuasa Penahan.

Perkara 108

Pelaksanaan hukuman.

Peraturan jenayah

Hukuman yang dijatuhkan ke atas tawanan perang, setelah sabitan boleh dikuatkuasakan dengan sewajarnya, hendaklah dijalankan di tempat yang sama dan dalam keadaan yang sama dengan anggota angkatan tentera Kuasa Penahan. Keadaan ini hendaklah dalam semua kes, mematuhi keperluan kesihatan dan kemanusiaan.

Seseorang tawanan perang wanita yang dijatuhi hukuman hendaklah ditempatkan di kuarters berasingan dan hendaklah berada bawah pengawasan wanita.

Dalam apa-apa jua keadaan, tawanan perang yang dijatuhi suatu hukuman yang melucutkan kebebasan mereka hendaklah tetap mendapat manfaat daripada peruntukan Perkara 78 dan 126 dalam Konvensyen ini. Tambahan pula, mereka berhak untuk menerima dan mengirim surat,

menerima sekurang-kurangnya satu bungkusan bekalan bantuan setiap bulan, melakukan riadah amalan di ruang udara terbuka, mendapat jagaan perubatan yang diperlukan oleh keadaan kesihatan mereka, dan bantuan kerohanian yang mereka ingini. Hukuman yang boleh dikenakan ke atas mereka hendaklah mematuhi peruntukan Perkara 87, perenggan ketiga.

BAHAGIAN IV

PENAMATAN PENAWANAN

SEKSYEN I

PENGHANTARAN PULANG TERUS DAN PENEMPATAN

DI NEGARA BERKECUALI

Perkara 109

Pemerhatian am

Tertakluk pada peruntukan perenggan ketiga Perkara ini, Pihak-pihak yang berkonflik terikat untuk menghantar pulang ke Negara mereka, tanpa mengira bilangan dan pangkat, tawanan perang yang mengalami kecederaan dan penyakit yang serius, setelah memberikan penjagaan kepada mereka sehingga mereka kembali sihat untuk perjalanan, menurut perenggan pertama Perkara berikut.

Sepanjang tempoh pertempuran, Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah berusaha, dengan kerjasama Kuasa-kuasa berkecuali berkenaan, untuk mengaturkan penempatan tawanan perang yang sakit dan cedera di negara berkecuali seperti yang dirujuk dalam perenggan kedua Perkara berikut.

Mereka boleh, sebagai tambahan, memuktamadkan perjanjian bagi tujuan penghantaran pulang terus atau penahanan di negara berkecuali, tawanan perang sihat tubuh badan yang telah lama berada dalam penawanan.

Tiada tawanan perang sakit atau cedera, yang layak untuk penghantaran pulang menurut perenggan pertama Perkara ini, boleh dihantar pulang bertentangan dengan kehendaknya semasa pertempuran.

Perkara 110

Hal penghantaran pulang dan penempatan

Orang berikut hendaklah terus dihantar pulang:

- (1) Cedera dan sakit yang tidak boleh sembuh, yang kesihatan mental atau jasmaninya kelihatan terjejas teruk.
- (2) Cedera dan sakit yang, menurut pendapat perubatan, dijangka tidak akan sembuh dalam masa setahun, yang keadaannya memerlukan rawatan dan yang kesihatan mental atau jasmaninya kelihatan telah terjejas teruk.
- (3) Cedera dan sakit yang telah sembuh, tetapi kesihatan mental atau jasmaninya kelihatan kekal atau terjejas teruk.

Orang berikut boleh ditempatkan di negara berkecuali:

- (1) Cedera dan sakit yang dijangka boleh pulih dalam masa setahun dari tarikh kecederaan atau bermula sakit, jika rawatan di sesebuah negara berkecuali boleh meningkatkan peluangnya untuk pulih dengan lebih pasti dan cepat.
- (2) Tawanan perang yang kesihatan mental atau jasmaninya, menurut pendapat perubatan, terancam berat dengan penawanan berterusan, tetapi penempatannya di sesebuah negara berkecuali boleh menamatkan ancaman tersebut.

Syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh tawanan perang yang ditempatkan di negara berkecuali supaya penghantaran pulang mereka dibenarkan, hendaklah ditetapkan, sebagaimana status mereka, melalui perjanjian antara Kuasa-kuasa yang berkenaan. Secara amnya, tawanan perang yang telah ditempatkan di negara berkecuali, dan yang tergolong dalam kategori berikut, wajar dihantar pulang:

- (1) Mereka yang berada dalam keadaan kesihatan yang merosot bagi memenuhi syarat yang ditetapkan untuk penghantaran pulang terus;
- (2) Mereka yang kekuatan mental atau jasmaninya, walaupun selepas rawatan, masih agak terjejas.

Jika tiada perjanjian khas dimuktamadkan antara Pihak-pihak yang berkonflik berkenaan, untuk menentukan hal ketidakupayaan atau penyakit yang melibatkan penghantaran pulang terus atau penempatan di sesebuah negara berkecuali, hal tersebut hendaklah diselesaikan menurut prinsip yang ditetapkan dalam Perjanjian Contoh tentang penghantaran pulang terus dan penempatan tawanan perang yang cedera dan sakit dan dalam Peraturan tentang Suruhanjaya Perubatan Campuran yang dilampirkan pada Konvensyen ini.

Perkara 111

Penahanan di negara berkecuali

Kuasa Penahan, Kuasa yang padanya tawanan perang bergantung, dan suatu Kuasa berkecuali yang dipersetujui oleh kedua-dua Kuasa ini, hendaklah berusaha untuk memuktamadkan perjanjian yang membolehkan tawanan perang ditahan di wilayah Kuasa berkecuali tersebut sehingga tamatnya pertempuran.

Perkara 112

Suruhanjaya Perubatan Campuran

Apabila pertempuran meletus, Suruhanjaya Perubatan Campuran hendaklah dilantik untuk memeriksa tawanan perang yang sakit dan cedera, dan untuk membuat keputusan yang sesuai bagi mereka. Pelantikan, tugas dan fungsi Suruhanjaya ini hendaklah mematuhi peruntukan Peraturan yang dilampirkan dalam Konvensyen ini.

Walau bagaimanapun, tawanan perang yang nyata cedera parah atau sakit teruk menurut pendapat Pihak-pihak berkuasa perubatan Kuasa Penahan boleh dihantar pulang tanpa pemeriksaan oleh suatu Suruhanjaya Perubatan Campuran.

Perkara 113

Tawanan yang layak menjalani pemeriksaan oleh Suruhanjaya Perubatan Campuran

Selain mereka yang ditetapkan oleh Pihak-pihak berkuasa perubatan Kuasa Penahan, tawanan perang yang cedera atau sakit yang tergolong dalam kategori yang disenaraikan di bawah hendaklah berhak untuk menghadirkan diri bagi pemeriksaan oleh Suruhanjaya Perubatan Campuran yang diperuntukkan dalam Perkara di atas:

- (1) Cedera dan sakit yang dicadangkan oleh doktor atau pakar bedah yang berkerakyatan sama, atau rakyat suatu Pihak yang berkonflik yang bersekutu dengan Kuasa yang padanya tawanan tersebut bergantung, dan menjalankan fungsinya di kem.
- (2) Cedera dan sakit yang dicadangkan oleh wakil tawanan.
- (3) Cedera dan sakit yang dicadangkan oleh Kuasa yang padanya mereka bergantung, atau oleh suatu pertubuhan yang diiktiraf dengan sewajarnya oleh Kuasa tersebut dan memberikan bantuan kepada tawanan.

Tawanan perang yang tidak tergolong dalam salah satu daripada tiga kategori di atas bagaimanapun boleh hadir untuk pemeriksaan oleh

Suruhanjaya Perubatan Campuran tetapi hendaklah diperiksa hanya selepas mereka yang tergolong dalam kategori tersebut selesai diperiksa.

Doktor atau pakar bedah yang berkerakyatan sama dengan tawanan yang hadir untuk pemeriksaan oleh Suruhanjaya Perubatan Campuran, begitu juga dengan wakil tawanan tersebut, hendaklah dibenarkan untuk hadir semasa pemeriksaan.

Perkara 114

Tawanan mengalami kemalangan

Tawanan perang yang mengalami kemalangan hendaklah, kecuali kecederaannya adalah akibat perbuatan tawanan perang itu sendiri, mendapat manfaat daripada peruntukan Konvensyen ini tentang penghantaran pulang atau penempatan di negara berkecuali.

Perkara 115

Tawanan menjalani hukuman

Tiada tawanan perang yang telah dikenakan hukuman disiplin dan yang layak untuk penghantaran pulang atau penempatan di negara berkecuali, boleh dipaksa tinggal atas alasan bahawa dia belum menjalani hukumannya.

Tawanan perang yang ditahan berkaitan dengan suatu pendakwaan atau sabitan kehakiman dan yang telah ditetapkan dengan penghantaran pulang atau penempatan di negara berkecuali, boleh mendapat manfaat daripada langkah tersebut sebelum prosiding itu tamat atau sebelum hukuman itu selesai dijalani, jika Kuasa Penahan bersetuju.

Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah berhubung antara satu sama lain tentang nama orang yang akan ditahan sehingga prosiding berakhir atau hukuman selesai dijalani.

Perkara 116

Kos penghantaran pulang

Kos penghantaran pulang tawanan perang atau pengangkutan mereka ke negara berkecuali hendaklah ditanggung, dari sempadan wilayah Kuasa Penahan, oleh Kuasa yang padanya tawanan tersebut bergantung.

Perkara 117

Kegiatan orang yang dihantar pulang

Tiada orang yang telah dihantar pulang boleh diambil kerja dalam perkhidmatan tentera yang aktif.

BAHAGIAN II

PEMBEBASAN DAN PENGHANTARAN PULANG TAWANAN PERANG PADA PENGAKHIRAN PERTEMPURAN

Perkara 118

Pembebasan dan penghantaran pulang

Tawanan perang hendaklah dibebaskan dan dihantar pulang tanpa kelengahan setelah pertempuran aktif tamat.

Dalam ketiadaan syarat bagi tujuan di atas dalam apa-apa perjanjian yang dimuktamadkan antara Pihak-pihak yang berkonflik untuk menamatkan pertempuran, atau jika perjanjian tersebut gagal dibuat, setiap Kuasa Penahan hendaklah mewujudkan dan melaksanakan tanpa kelengahan

sebuah pelan penghantaran pulang menurut prinsip yang ditetapkan dalam perenggan di atas.

Dalam mana-mana kes, langkah yang diterima pakai hendaklah dibawa ke pengetahuan tawanan perang.

Kos penghantaran pulang tawanan perang hendaklah dibahagi dengan adil antara Kuasa Penahan dengan Kuasa yang padanya tawanan bergantung. Pembahagian ini hendaklah dilaksanakan atas dasar berikut:

- (a) Jika kedua-dua Kuasa berkongsi sempadan, Kuasa yang padanya tawanan perang bergantung hendaklah menanggung kos penghantaran pulang dari sempadan wilayah Kuasa Penahan.
- (b) Jika kedua-dua Kuasa tidak berkongsi sempadan, Kuasa Penahan hendaklah menanggung kos pengangkutan melalui wilayahnya hingga sempadan atau terminal berangkat yang terdekat dengan wilayah Kuasa yang padanya tawanan perang bergantung. Pihak berkenaan hendaklah bersetuju antara mereka tentang pembahagian kos penghantaran pulang selebihnya dengan adil. Perjanjian yang dicapai ini hendaklah tidak sekali-kali mewajarkan apa-apa kelengahan dalam penghantaran pulang tawanan perang.

Perkara 119

Perincian tatacara

Penghantaran pulang hendaklah dilaksanakan dalam keadaan yang serupa dengan keadaan bawah Perkara 46 hingga Perkara 48 Konvensyen ini tentang pemindahan tawanan perang, dengan mengambil kira peruntukan Perkara 118 dan peruntukan dalam perenggan yang berikut.

Semasa penghantaran pulang, apa-apa barang berharga yang ditahan daripada tawanan perang menurut Perkara 18, dan apa-apa mata wang asing yang belum ditukarkan kepada mata wang Kuasa Penahan hendaklah

dikembalikan kepada tawanan perang. Barang berharga dan mata wang asing yang, atas apa-apa jua sebab, belum dikembalikan kepada tawanan perang semasa penghantaran pulang, hendaklah dihantar kepada Biro Maklumat yang ditubuhkan menurut Perkara 122.

Tawanan perang hendaklah dibenarkan untuk membawa bersama mereka barang peribadi mereka dan apa-apa surat serta bungkusan yang telah tiba untuk mereka. Berat bagasi mereka boleh dihadkan, jika keadaan penghantaran pulang memerlukannya, setakat yang setiap tawanan perang mampu angkut dengan munasabah. Setiap tawanan hendaklah dibenarkan dalam semua kes untuk membawa sekurang-kurangnya dua puluh lima kilogram.

Barang peribadi lain milik tawanan yang dihantar pulang hendaklah ditinggalkan dalam jagaan Kuasa Penahan, yang hendaklah menghantar lanjut barang itu kepada pemiliknya sebaik sahaja Kuasa Penahan memuktamadkan perjanjian untuk tujuan ini, sementara mengawal selia keadaan pengangkutan dan pembayaran kos yang terlibat, dengan Kuasa yang padanya tawanan itu bergantung.

Tawanan perang yang sedang menghadapi prosiding-prosiding jenayah untuk suatu kesalahan boleh dakwa, boleh ditahan sehingga prosiding tersebut berakhir, dan jika perlu, sehingga hukuman selesai dijalani. Peruntukan yang sama hendaklah terpakai kepada tawanan perang yang telah pun disabitkan dengan suatu kesalahan boleh dakwa.

Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah berkomunikasi antara satu sama lain tentang nama tawanan perang yang ditahan sehingga berakhirnya prosiding atau sehingga hukuman selesai dijalani.

Dengan persetujuan antara Pihak-pihak yang berkonflik, suruhanjaya hendaklah dibentuk bagi tujuan mencari tawanan perang yang tersebar dan untuk memastikan penghantaran pulang mereka dengan sekurang-kurang kelewatan yang mungkin.

SEKSYEN III

KEMATIAN TAWANAN PERANG

Perkara 120

Wasiat, sijil kematian, pengebumian, pembakaran mayat

Wasiat tawanan perang hendaklah dibuat supaya memenuhi syarat sah yang diperlukan oleh perundangan negara asal mereka yang akan mengambil langkah untuk memaklumkan Kuasa Penahan tentang keperluan ini. Atas permintaan tawanan perang dan, dalam semua hal, selepas kematian, wasiat hendaklah dihantar tanpa kelengahan kepada Kuasa Pelindung; sesalinan yang diakui sah hendaklah dihantar kepada Agensi Pusat.

Sijil kematian dalam bentuk yang dilampirkan pada Konvensyen ini, atau senarai yang diakui sah oleh pegawai yang bertanggungjawab, bagi semua orang yang mati sebagai tawanan perang hendaklah dihantar secepat mungkin kepada Biro Maklumat Tawanan Perang yang ditubuhkan menurut Perkara 122. Sijil kematian atau senarai yang diakui sah hendaklah menyatakan butiran identiti sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan ketiga Perkara 17, dan juga tarikh dan tempat kematian, sebab kematian, tarikh dan tempat pengebumian dan semua butir yang perlu untuk mengenal pasti kuburnya.

Pengebumian atau pembakaran mayat seseorang tawanan perang hendaklah didahului dengan pemeriksaan perubatan ke atas mayat itu untuk mengesahkan kematian dan untuk membolehkan suatu laporan dibuat, dan jika perlu, untuk mengesahkan identitinya.

Pihak-pihak berkuasa yang menahan hendaklah memastikan supaya tawanan perang yang mati dalam penahanan dikebumikan secara terhormat, jika boleh, menurut upacara keagamaan mereka, dan supaya kubur mereka dihormati, dipelihara sewajarnya dan ditandakan supaya kubur itu boleh ditemui pada bila-bila masa. Sedapat mungkin, tawanan perang yang meninggal dunia yang bergantung pada Kuasa yang sama hendaklah dikebumikan di tempat yang sama.

Tawanan perang yang meninggal dunia hendaklah dikebumikan dalam kubur berasingan, kecuali keadaan yang tidak boleh dielakkan menghendaki penggunaan kubur beramai-ramai. Mayat hanya boleh dibakar atas alasan kesihatan yang sangat mustahak, berdasarkan agama si mati atau menurut hasrat si mati yang jelas bagi tujuan ini. Dalam hal pembakaran mayat, fakta ini hendaklah dinyatakan dan sebab pembakaran dijelaskan dalam sijil kematian si mati.

Bagi memastikan kubur sentiasa boleh ditemui, butiran pengebumian dan kubur hendaklah direkodkan dalam sebuah Perkhidmatan Pendaftaran Kubur yang diwujudkan oleh Kuasa Penahan. Senarai kubur dan butiran tawanan perang yang dikebumikan di tanah perkuburan dan tempat lain, hendaklah dihantar seterusnya kepada Kuasa yang padanya tawanan perang tersebut bergantung. Tanggungjawab penjagaan kubur ini dan rekod tentang sembarang pemindahan lanjut mayat terletak pada Kuasa yang mengawal wilayah itu, jika Kuasa itu ialah Pihak kepada Konvensyen ini. Peruntukan ini hendaklah juga terpakai kepada abu mayat, yang hendaklah Perkhidmatan Pendaftaran Kubur simpan sehingga abu mayat itu diurus dengan wajar menurut hasrat negara asal si mati.

Perkara 121

Tawanan terbunuh atau cedera dalam hal keadaan khas

Setiap kematian atau kecederaan serius yang seseorang tawanan perang alami disebabkan atau disyaki disebabkan oleh seseorang pengawal, tawanan perang yang lain, atau mana-mana orang lain, dan juga kematian yang tidak diketahui sebabnya, hendaklah segera disusuli dengan siasatan rasmi oleh Kuasa Penahan.

Suatu komunikasi tentang perkara ini hendaklah segera dihantar kepada Kuasa Pelindung. Kenyataan hendaklah diambil daripada saksi, khususnya mereka yang merupakan tawanan perang, dan suatu laporan yang mengandungi kenyataan tersebut hendaklah dilanjutkan kepada Kuasa Pelindung.

Jika siasatan menunjukkan kebersalahan seseorang atau lebih, Kuasa Penahan hendaklah mengambil semua langkah bagi pendakwaan orang yang bertanggungjawab.

BAHAGIAN V

BIRO MAKLUMAT DAN PERSATUAN BANTUAN BAGI TAWANAN PERANG

Perkara 122

Biro kebangsaan

Apabila meletusnya suatu konflik dan dalam semua hal pendudukan, setiap Pihak yang berkonflik hendaklah mewujudkan Biro Maklumat rasmi bagi tawanan perang yang berada dalam kuasanya. Kuasa-kuasa berkecuali atau yang tidak berperang yang menerima di wilayahnya orang yang tergolong dalam salah satu daripada kategori yang dirujuk dalam Perkara 4, hendaklah mengambil tindakan yang sama bagi orang tersebut. Kuasa berkenaan hendaklah memastikan bahawa Biro Maklumat Tawanan Perang diberi tempat penginapan, peralatan dan kakitangan yang perlu

untuk memastikan Biro tersebut dapat beroperasi dengan cekap. Kuasa itu hendaklah bebas mengambil tawanan perang untuk bekerja di Biro tersebut menurut syarat yang ditetapkan bawah Seksyen Konvensyen ini berkaitan dengan tenaga kerja tawanan perang.

Dalam masa sesingkat mungkin, setiap Pihak yang berkonflik hendaklah memberi Bironya maklumat yang disebut dalam perenggan keempat, kelima dan keenam Perkara ini tentang mana-mana musuh yang tergolong dalam salah satu kategori dalam Perkara 4, yang jatuh dalam kuasanya. Kuasa-kuasa berkecuali atau tidak berperang hendaklah mengambil tindakan yang sama bagi orang yang tergolong dalam kategori tersebut yang diterima di wilayah mereka.

Biro itu hendaklah seterusnya menghantar maklumat tersebut dengan segera melalui cara terpantas kepada Kuasa-kuasa berkenaan, melalui Kuasa-kuasa Pelindung sebagai perantara dan begitu juga melalui Agensi Pusat yang diperuntukkan dalam Perkara 123.

Maklumat ini hendaklah memungkinkan nasihat pantas dapat diberikan kepada waris berkenaan. Tertakluk pada peruntukan Perkara 17, maklumat ini hendaklah merangkumi, setakat yang ada pada Biro Maklumat, bagi setiap tawanan perang – nama keluarga, nama-nama pertama, pangkat, nombor tentera, nombor regimen, nombor peribadi atau nombor siri, tempat dan tarikh lahir yang lengkap, nama Kuasa yang padanya ia bergantung, nama pertama bapa dan nama keluarga emak, nama dan alamat orang yang akan dimaklumkan dan alamat surat-menyurat bagi tawanan.

Biro Maklumat hendaklah menerima daripada pelbagai jabatan yang berkenaan, maklumat tentang pemindahan, pembebasan, penghantaran pulang, pelarian diri, kemasukan ke hospital, dan kematian, serta hendaklah menghantar maklumat tersebut menurut cara yang ditetapkan dalam perenggan ketiga di atas.

Begitu juga maklumat tentang keadaan kesihatan tawanan perang yang sakit tenat atau yang cedera parah hendaklah diberikan dengan kerap, setiap minggu jika dapat.

Biro Maklumat itu hendaklah juga bertanggungjawab untuk menjawab semua pertanyaan yang dihantar kepadanya tentang tawanan perang, termasuk mereka yang mati dalam penawanan; Biro Maklumat hendaklah membuat sembarang pertanyaan yang perlu untuk memperoleh maklumat yang diminta jika maklumat ini tiada dalam milikannya.

Segala komunikasi bertulis Biro Maklumat hendaklah disahkan dengan tandatangan atau meterai.

Biro Maklumat hendaklah selanjutnya ditugaskan untuk mengumpulkan semua barang peribadi yang berharga, termasuk jumlah wang dalam mata wang selain mata wang Kuasa Penahan dan dokumen yang penting bagi waris, yang ditinggalkan oleh tawanan perang yang dihantar pulang atau dibebaskan, yang melarikan diri atau meninggal dunia, dan hendaklah melanjutkan barang berharga tersebut kepada Kuasa-kuasa berkenaan. Barang tersebut hendaklah Biro Maklumat hantar dalam bungkusan yang dimeterai, yang hendaklah disertakan dengan kenyataan yang memberikan butiran jelas dan lengkap tentang identiti tuan punya barang itu, dan dengan senarai lengkap tentang isi kandungan bungkusan itu. Barangan peribadi tawanan perang tersebut yang lain hendaklah dihantar seterusnya menurut aturan yang dipersetujui antara Pihak-pihak yang berkonflik berkenaan.

Perkara 123

Agensi pusat

Sebuah Agensi Maklumat Tawanan Perang Pusat hendaklah ditubuhkan di sebuah negara berkecuali. Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah hendaklah, jika dianggap perlu, mencadangkan kepada Kuasa-kuasa berkenaan tentang penubuhan Agensi tersebut. Fungsi Agensi ini adalah

untuk mengumpulkan semua maklumat yang dapat diperoleh melalui saluran rasmi atau persendirian tentang tawanan perang, dan seterusnya menghantar maklumat itu sepantas mungkin ke negara asal tawanan perang atau kepada Kuasa yang padanya mereka bergantung. Agensi ini hendaklah menerima daripada Pihak-pihak yang berkonflik segala kemudahan bagi tujuan keberkesanan penghantaran tersebut.

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi, dan khususnya yang rakyat mereka mendapat manfaat daripada perkhidmatan Agensi Pusat ini, diminta untuk memberikan bantuan kewangan kepada Agensi tersebut yang mungkin diperlukan oleh Agensi itu.

Peruntukan di atas hendaklah tidak sekali-kali ditafsirkan sebagai mengehendkan kegiatan kemanusiaan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, atau Persatuan bantuan yang diperuntukkan dalam Perkara 125.

Perkara 124

Pengecualian daripada caj

Biro Maklumat negara dan Agensi Maklumat Pusat hendaklah menikmati pos percuma bagi mel, begitu juga semua pengecualian yang diperuntukkan dalam Perkara 74, dan selanjutnya, setakat yang boleh, pengecualian daripada caj telegraf atau, sekurang-kurangnya, pengurangan kadar yang besar.

Perkara 125

Pertubuhan bantuan dan pertubuhan lain

Tertakluk pada langkah yang dianggap oleh Kuasa-kuasa Penahan sebagai penting untuk memastikan keselamatan mereka atau untuk memenuhi keperluan munasabah yang lain, maka wakil pertubuhan keagamaan,

persatuan bantuan, atau mana-mana pertubuhan lain yang membantu tawanan perang, untuk mereka sendiri dan untuk ejen mereka yang ditauliahkan dengan sewajarnya, semua kemudahan yang perlu untuk melawat tawanan, mengagihkan bekalan bantuan dan bahan, daripada mana-mana sumber, yang dimaksudkan untuk tujuan keagamaan, pendidikan atau hiburan, dan untuk membantu mereka dalam menganjurkan masa lapang mereka di kem. Persatuan atau pertubuhan tersebut boleh ditubuhkan di wilayah Kuasa Penahan atau di mana-mana negara lain, atau mereka boleh mempunyai sifat antarabangsa.

Kuasa Penahan boleh menghadkan bilangan persatuan dan pertubuhan yang wakil mereka dibenarkan untuk melakukan kegiatan mereka di wilayahnya dan bawah pengawasannya, dengan syarat, walau bagaimanapun, bahawa had tersebut hendaklah tidak menghalang operasi yang berkesan dari segi pemberian bantuan yang mencukupi kepada semua tawanan perang.

Kedudukan istimewa Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dalam bidang ini hendaklah diiktiraf dan dihormati pada setiap masa.

Sebaik sahaja bekalan bantuan atau bahan yang dimaksudkan bagi tujuan tersebut di atas diserahkan kepada tawanan perang, atau dalam masa yang sangat singkat selepas itu, resit bagi setiap kiriman, ditandatangani oleh wakil tawanan, hendaklah dihantar seterusnya kepada persatuan atau pertubuhan bantuan yang membuat penghantaran melalui perkapalan. Pada masa yang sama, resit bagi kiriman ini hendaklah diberikan oleh pihak pentadbiran yang bertanggungjawab untuk mengawal tawanan.

BAHAGIAN VI

PELAKSANAAN KONVENSYEN

SEKSYEN I

PERUNTUKAN AM

Perkara 126

Pengawasan

Wakil atau ahli delegasi Kuasa-kuasa Pelindung hendaklah diizinkan untuk pergi ke semua tempat yang tawanan perang berada, terutamanya tempat tahanan, pemenjaraan dan kerja buruh, dan hendaklah mempunyai capaian kepada semua tempat yang tawanan perang duduki; mereka hendaklah juga dibenarkan untuk pergi ke tempat keberangkatan, laluan dan ketibaan tawanan perang yang dipindahkan. Mereka hendaklah dapat menemu bual tawanan, dan khususnya wakil tawanan, tanpa saksi, secara peribadi atau melalui seorang penterjemah.

Wakil dan ahli delegasi Kuasa-kuasa Pelindung hendaklah bebas sepenuhnya untuk memilih tempat yang ingin dilawati. Tempoh dan kekerapan lawatan ini hendaklah tidak dihadkan. Lawatan tidak boleh dilarang kecuali atas sebab keperluan ketenteraan yang amat mustahak, dan keadaan itu hanya sebagai langkah pengecualian dan sementara.

Kuasa Penahan dan Kuasa yang padanya tawanan perang tersebut bergantung boleh bersetuju, jika perlu, bahawa rakan-rakan senegara tawanan perang diizinkan untuk menyertai lawatan ini.

Ahli delegasi Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah hendaklah menikmati hak mutlak yang sama. Pelantikan ahli delegasi tersebut hendaklah diserahkan untuk kelulusan Kuasa yang menahan tawanan perang yang hendak dilawati.

Perkara 127

Penyebaran konvensyen

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi beraku janji, pada masa aman dan pada masa perang untuk, menyebarkan teks Konvensyen ini seluas mungkin di negara masing-masing, dan secara khusus, memasukkan pengajiannya dalam program pendidikan tentera dan jika boleh, pendidikan awam, supaya prinsip Konvensyen ini diketahui oleh semua angkatan tentera dan seluruh penduduk mereka.

Perkara 128

Penterjemahan. Peraturan pemakaian

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi hendaklah berhubung antara satu sama lain melalui Majlis Persekutuan Swiss dan, semasa pertempuran, melalui Kuasa-kuasa Pelindung, tentang terjemahan rasmi Konvensyen ini, dan juga undang-undang dan peraturan yang mereka boleh terima pakai untuk memastikan pelaksanaan Konvensyen ini.

Perkara 129

Sekatan keseksaan

I. Pemerhatian am

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi beraku janji untuk menggubal apa-apa perundangan yang perlu untuk memperuntukkan sekatan keseksaan yang berkesan terhadap orang yang telah melakukan, atau memerintah untuk melakukan, sembarang pelanggaran berat terhadap Konvensyen ini seperti yang ditakrifkan dalam Perkara berikut.

Setiap Pihak Pejanji Tertinggi wajib mencari orang yang didakwa melakukan, atau memerintah untuk melakukan, pelanggaran berat tersebut, dan hendaklah membawa orang tersebut, tanpa mengira kerakyatan, ke hadapan mahkamahya sendiri. Pihak-pihak Pejanji Tertinggi boleh juga, jika ia memilih, dan menurut peruntukan perundangannya sendiri, menyerahkan orang tersebut untuk perbicaraan kepada Pihak

Pejanji Tertinggi lain yang berkaitan, dengan syarat Pihak Pejanji Tertinggi itu dapat membuktikan suatu kes prima facie.

Setiap Pihak Pejanji Tertinggi hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk membanteras semua perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Konvensyen ini, selain daripada pelanggaran berat yang ditafsirkan dalam Perkara berikut.

Dalam semua keadaan, orang kena tuduh hendaklah mendapat manfaat daripada perlindungan perbicaraan dan pembelaan yang teratur, yang hendaklah tidak kurang daripada perlindungan yang diperuntukkan bawah Perkara 105 dan yang berikut dalam Konvensyen ini.

Perkara 130

II. Pelanggaran berat

Pelanggaran berat berkaitan dengan Perkara sebelum ini ialah yang melibatkan mana-mana perbuatan berikut, jika dilakukan terhadap orang atau harta yang dilindungi oleh Konvensyen ini: pembunuhan sengaja, penyiksaan atau layanan tidak berperikemanusiaan, termasuk uji kaji biologi, sengaja menyebabkan penderitaan teruk atau kecederaan parah pada tubuh badan atau kesihatan, memaksa seseorang tawanan perang untuk berkhidmat dalam angkatan tentera Kuasa lawan, atau sengaja menafikan seseorang tawanan perang hak-haknya kepada perbicaraan yang adil dan teratur yang diperuntukkan dalam Konvensyen ini.

Perkara 131

III. Tanggungjawab Pihak-pihak Pejanji Tertinggi

Tiada Pihak Pejanji Tertinggi dibenarkan untuk melepaskan dirinya atau mana-mana Pihak Pejanji Tertinggi yang lain daripada apa-apa liabiliti yang ia sendiri sebabkan, atau oleh Pihak Pejanji Tertinggi yang lain tentang pelanggaran yang dirujuk dalam Perkara sebelum ini.

Perkara 132

Tatacara siasatan

Atas permintaan suatu Pihak yang berkonflik, suatu siasatan hendaklah dimulakan, menurut kaedah yang akan diputuskan antara Pihak-pihak berkepentingan, atas apa-apa dakwaan pelanggaran Konvensyen ini.

Jika perjanjian tidak dapat dicapai tentang tatacara siasatan tersebut, Pihak-pihak tersebut seharusnya bersetuju untuk memilih seorang pengadil yang akan memutuskan tatacara yang akan dipatuhi.

Apabila pelanggaran dapat dibuktikan, Pihak-pihak yang berkonflik hendaklah mengakhiri dan mengekang pelanggaran tersebut dengan secepat mungkin.

SEKSYEN II

PERUNTUKAN AKHIR

Perkara 133

Bahasa

Konvensyen ini dibuat dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Kedua-dua teks ini sama sahinya.

Majlis Persekutuan Swiss hendaklah mengaturkan terjemahan rasmi Konvensyen ini ke dalam bahasa Rusia dan bahasa Sepanyol.

Perkara 134

Hubungan dengan Konvensyen 1929

Konvensyen ini menggantikan Konvensyen bertarikh 27 Julai 1929, dalam hubungan antara Pihak-pihak Pejanji Tertinggi.

Perkara 135

Hubungan dengan Konvensyen Hague

Dalam hubungan antara Kuasa-kuasa yang terikat pada Konvensyen Hague yang menghormati Undang-Undang dan Adat Peperangan di Darat, sama ada yang bertarikh 29 Julai 1899, atau yang bertarikh 18 Oktober 1907, dan yang merupakan Pihak-pihak kepada Konvensyen ini, Konvensyen akhir itu akan melengkapi Bab II Peraturan-peraturan lampiran kepada Konvensyen-Konvensyen Hague tersebut di atas.

Perkara 136

Tandatangan

Konvensyen ini yang bertarikh hari ini terbuka untuk ditandatangani hingga 12 Februari 1950, atas nama Kuasa-kuasa yang diwakili semasa Persidangan yang dibuka pada 21 April 1949 di Geneva; selanjutnya, oleh Kuasa-kuasa yang tidak diwakili semasa Persidangan itu, tetapi yang merupakan Pihak-pihak kepada Konvensyen bertarikh 27 Julai 1929.

Perkara 137

Ratifikasi

Konvensyen ini hendaklah diratifikasikan secepat mungkin dan surat cara ratifikasi hendaklah disimpan di Berne.

Suatu rekod akan dibuat tentang pemasukan setiap surat cara ratifikasi dan salinan rekod yang disahkan ini hendaklah dihantar oleh Majlis Persekutuan Swiss kepada semua Kuasa yang menandatangani Konvensyen ini atau yang penyertaan mereka dimaklumkan.

Perkara 138

Permulaan kuat kuasa

Konvensyen ini hendaklah mula berkuat kuasa enam bulan selepas tidak kurang daripada dua surat cara ratifikasi disimpan.

Selepas itu, Konvensyen ini hendaklah mula berkuat kuasa bagi setiap Pihak Pejanji Tertinggi enam bulan selepas surat cara ratifikasi disimpan.

Perkara 139

Penyertaan

Dari tarikh ia mula berkuat kuasa, Konvensyen ini hendaklah dibuka untuk penyertaan kepada mana-mana Kuasa yang belum menandatangani.

Perkara 140

Pemakluman kesertaan

Penyertaan hendaklah dimaklumkan secara tertulis kepada Majlis Persekutuan Swiss, dan hendaklah mula berkuat kuasa enam bulan selepas tarikh pemakluman itu.

Majlis Persekutuan Swiss hendaklah menyampaikan penyertaan kepada semua Kuasa yang telah menandatangani Konvensyen ini, atau yang penyertaan mereka telah dimaklumkan.

Perkara 141

Kuat kuasa serta-merta

Keadaan seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 2 dan 3 hendaklah memberi kuat kuasa segera kepada surat cara ratifikasi yang disimpan dan

kesertaan yang dimaklumkan oleh Pihak-pihak yang berkonflik sebelum atau selepas bermulanya pertempuran atau pendudukan. Majlis Persekutuan Swiss hendaklah memaklumkan dengan cara yang paling cepat tentang apa-apa ratifikasi atau kesertaan daripada Pihak-pihak yang berkonflik.

Perkara 142

Pemutusan diri

Setiap Pihak Berjanji Tertinggi bebas untuk memutuskan diri daripada Konvensyen ini.

Pemutusan tersebut hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Majlis Persekutuan Swiss yang akan melanjutkannya kepada Kerajaan semua Pihak-pihak Pejanji Tertinggi.

Pemutusan tersebut hendaklah berkuat kuasa setahun selepas pemakluman tentangnya dibuat kepada Majlis Persekutuan Swiss. Walau bagaimanapun, sesuatu pemutusan triti yang dimaklumkan pada masa Kuasa yang memutuskan triti tersebut terlibat dalam sesuatu konflik hendaklah tidak berkuat kuasa sehingga perdamaian dicapai, dan selepas operasi berkaitan pembebasan dan penghantaran pulang orang yang dilindungi oleh Konvensyen ini tamat.

Pemutusan triti tersebut hendaklah berkuat kuasa hanya bagi Kuasa yang memutuskannya. Pemutusan Konvensyen ini sekali-kali tidak menjejaskan kewajipan Pihak-pihak yang berkonflik yang hendaklah tetap terikat untuk memenuhi kewajipan mereka itu berdasarkan prinsip undang-undang antarabangsa memandangkan ia terjumlah daripada kelaziman antara bangsa-bangsa bertamadun daripada undang-undang kemanusiaan dan mengikut hati nurani awam.

Perkara 143

Pendaftaran dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Majlis Persekutuan Swiss hendaklah mendaftarkan Konvensyen ini dengan Sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Majlis Persekutuan Swiss juga hendaklah memberitahu Sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang semua ratifikasi, penyertaan dan pembatalan yang diterima olehnya berkenaan dengan Konvensyen ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, penandatanganan di bawah, setelah meletakkan kuasa penuh masing-masing, telah menandatangani Konvensyen ini.

DIBUAT di Geneva pada dua belas hari bulan Ogos 1949, dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Naskhah asal hendaklah disimpan di Arkib Konfederasi Swiss. Majlis Persekutuan Swiss hendaklah menghantar salinan yang disahkan bagi Konvensyen ini kepada setiap Negara yang menandatangani dan menyertainya.